

**PENGURUSAN PEMELIHARAAN TAPAK WARISAN BUDAYA DI
TERENGGANU: KAJIAN KES TERHADAP TAPAK BUKIT PUTERI,
KUALA TERENGGANU**

NURHAFIZAH BINTI MASHARI


UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PENGURUSAN PEMELIHARAAN TAPAK WARISAN BUDAYA DI
TERENGGANU: KAJIAN KES TERHADAP TAPAK BUKIT PUTERI,
KUALA TERENGGANU**

oleh

NURHAFIZAH BINTI MASHARI

Laporan Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tahun 2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT


Dari tarikh _____ sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Nurhafizah binti Mashari

No. Kad Pengenalan: 000702-11-0774

Tarikh: 14 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Tarikh:

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|------------|
| PENGHARGAAN | vii |
| FOTO | iv |
| RAJAH | iv |
| JADUAL | iv |
| | |
| BAB 1: PENDAHULUAN..... | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang | 2 |
| 1.3 Permasalahan Kajian..... | 9 |
| 1.3.1 Penyelenggaraan yang dilakukan oleh pihak muzium terhadap tapak Bukit Puteri mengambil masa yang panjang. | 9 |
| 1.3.2 Pengetahuan masyarakat terhadap tapak Bukit Puteri kurang memberansangkan. | 10 |
| 1.3.3 Penyampaian maklumat berkaitan tapak warisan kepada masyarakat kurang memuaskan | 11 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 12 |
| 1.5 Objektif | 12 |
| 1.6 Skop Kajian..... | 13 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 15 |
| 1.7.1 Pelestarian nilai budaya dan sejarah..... | 15 |
| 1.7.2 Peningkatan industri pelancongan..... | 16 |
| 1.7.3 Kesedaran dan pendidikan masyarakat | 17 |
| 1.7.4 Pembangunan polisi dan kerangka kerja pengurusan | 18 |
| 1.8 Rumusan | 19 |

| | |
|--|-----------|
| BAB 2: KAJIAN LITERATUR | 20 |
| 2.1 Pengenalan | 20 |
| 2.2 Sejarah dan Warisan Negeri Terengganu | 21 |
| 2.2.1 Sejarah dan Warisan Kuala Terengganu | 22 |
| 2.2.2 Sejarah Tapak Warisan Budaya Bukit Puteri | 26 |
| 2.3 Pengurusan Tapak Warisan Negeri Terengganu..... | 29 |
| 2.3.1 Definisi Pengurusan Tapak | 29 |
| 2.3.2 Pemeliharaan Tapak Warisan..... | 31 |
| 2.3.3 Tapak Warisan Negeri Terengganu Sebagai Produk Pelancongan | 35 |
| BAB 3: METODOLOGI | 39 |
| 3.1 Pengenalan | 39 |
| 3.2 Pendekatan Kajian | 40 |
| 3.3 Kaedah Kajian..... | 40 |
| 3.3.1 Kaedah Kualitatif..... | 40 |
| 3.3.2 Kaedah Kuantitatif..... | 40 |
| 3.4 Teknik Pengumpulan Data..... | 42 |
| 3.4.1 Data Primer | 42 |
| 3.4.2 Data Sekunder | 43 |
| 3.5 Persampelan Data..... | 44 |
| 3.6 Instrumen Kajian..... | 47 |
| 3.7 Teori Kajian..... | 48 |
| 3.8 Analisis Data | 50 |
| 3.9 Rumusan | 52 |

| | |
|---|------------|
| BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | 53 |
| 4.1 Pengenalan | 53 |
| 4.2 Penyelidikan aspek pemuliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri | 54 |
| 4.2.1 Tujuan penyelenggaraan atau pemuliharaan dilakukan ke atas tapak Bukit Puteri..... | 56 |
| 4.2.2 Cabaran yang dihadapi dalam memulihara dan memelihara tapak Bukit Puteri..... | 58 |
| 4.2.3 Prosedur dalam pengurusan pemuliharaan tapak Bukit Puteri | 67 |
| 4.3 Tahap pengetahuan dan strategi pemeliharaan Tapak Bukit Puteri | 72 |
| 4.3.1 Demografi Responden | 72 |
| 4.3.2 Tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri..... | 76 |
| 4.3.3 Strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara | 86 |
| 4.4 Pengurusan Pemeliharaan tapak menerusi Teori Birokrasi Max Weber | 103 |
| 4.4.1 Pembahagian Kerja..... | 103 |
| 4.4.2 Bidang Kecekapan Khusus..... | 105 |
| BAB 5: KESIMPULAN..... | 107 |
| 5.1 Pengenalan | 107 |
| 5.2 Rumusan Kajian..... | 108 |
| 5.2.2 Aspek pemuliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri .. | 108 |
| 5.2.3 Tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri.Impak | 112 |
| 5.2.4 Strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara. | 113 |
| 5.2.5 Penggunaan Teori Birokrasi Max Weber | 114 |
| 5.3 Implikasi Kajian..... | 115 |
| 5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian..... | 116 |
| 5.4.1 Program yang Berfungsi untuk Memartabatkan Tapak Warisan | 116 |
| 5.4.2 Mengaplikasikan Tapak Warisan Kepada Virtual Reality (VR) | 117 |
| 5.5 Rumusan | 118 |

| | |
|-----------------------|------------|
| RUJUKAN..... | 119 |
| LAMPIRAN | 125 |

FOTO

| | |
|--|----|
| Foto 1.1: Kubu Lama Bukit Puteri | 7 |
| Foto 1.2: Pintu Hadapan Bukit Puteri..... | 8 |
| Foto 1.3: Lokasi Bukit Puteri..... | 13 |
| Foto 1.4: Lokasi Bukit Puteri dengan lebih dekat | 13 |

RAJAH

| | |
|---|----|
| Rajah 3.1: Kerangka Kajian..... | 41 |
| Rajah 3.2: Kerangka Teori Birokrasi Max Weber..... | 49 |
| Rajah 3.3: Proses Analisis Data Braun dan Clarke..... | 51 |
| Rajah 4.1 Kerangka Tematik..... | 55 |

JADUAL

| | |
|---|----|
| Jadual 3.1 : Jadual Kaedah Kajian Yang Digunakan Dalam Kajian | 45 |
| Jadual 4.1 : Senarai Informan Kajian | 56 |
| Jadual 4.2: Bilangan responden mengikut jantina | 74 |
| Jadual 4.3: Bilangan responden mengikut umur..... | 75 |
| Jadual 4.4: Bilangan responden mengikut pekerjaan | 75 |
| Jadual 4.5: Bilangan responden mengikut bangsa..... | 75 |
| Jadual 4.6: Bilangan responden mengikut tahap pendidikan..... | 75 |
| Jadual 4.7: Data soalan 1 bahagian I [O2]..... | 79 |
| Jadual 4.8: Data soalan 2 bahagian I [O2]..... | 80 |
| Jadual 4.9: Data soalan 3 bahagian I [O2]..... | 80 |

| | |
|--|-----|
| Jadual 4.10: Data soalan 4 bahagian I [O2]..... | 80 |
| Jadual 4.11: Data soalan 5 bahagian I [O2]..... | 80 |
| Jadual 4.12: Data soalan 1 bahagian II [O2]..... | 84 |
| Jadual 4.13: Data soalan 2 bahagian II [O2]..... | 84 |
| Jadual 4.14: Data soalan 3 bahagian II [O2]..... | 85 |
| Jadual 4.15: Data soalan 4 bahagian II [O2]..... | 85 |
| Jadual 4.16: Data soalan 5 bahagian II [O2]..... | 85 |
| Jadual 4.17: Data soalan 1 [O3]..... | 99 |
| Jadual 4.18: Data soalan 2 [O3]..... | 99 |
| Jadual 4.19: Data soalan 3 [O3]..... | 99 |
| Jadual 4.20: Data soalan 4 [O3]..... | 100 |
| Jadual 4.21: Data soalan 5 [O3]..... | 100 |
| Jadual 4.22: Data soalan 6 [O3]..... | 100 |
| Jadual 4.21: Data soalan 5 [O3]..... | 100 |
| Jadual 4.22: Data soalan 6 [O3]..... | 101 |
| Jadual 4.23: Data soalan 7 [O3]..... | 101 |
| Jadual 4.24: Data soalan 8 [O3]..... | 101 |
| Jadual 4.25: Data soalan 9 [O3]..... | 102 |
| Jadual 4.26: Data soalan 10 [O3]..... | 102 |

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Bismillahirrahmanirrahim, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurniaNya, dapat saya menjayakan tugas ilmiah ini dengan jayanya. Di sini saya mengambil kesempatan ingin mengucapkan rasa penghargaan dan berterima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana telah memberi kesempatan kepada saya dalam mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Konservasi Warisan). Selain itu, saya juga berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu saya dalam menyelesaikan penulisan ini terutamanya kepada pensyarah Konservasi iaitu Puan Nur Athmar binti Hashim serta kepada penyelia saya Puan Farrah Atikah binti Saari dan Cik Noridayu binti Bakry dalam memberi tunjuk ajar dan nasihat sepanjang penulisan tesis ini dijalankan serta dari segi pengolahan idea berkaitan dengan tajuk kajian iaitu berkaitan dengan ‘Pengurusan Pemeliharaan Tapak Warisan Budaya Di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Tapak Bukit Puteri, Kuala Terengganu’. Seterusnya, diksempatan ini juga, saya berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya mana memberi dorongan dan sokongan sepanjang tugas dilakukan. Di samping itu, juga saya berterima kasih kepada rakan-rakan dalam memberi tunjuk ajar dan pertolongan ketika saya menyiapkan tugas. Semoga kerja keras sepanjang penulisan ini dilakukan dapat memberi manfaat di dalam bidang yang saya ceburi ini.

Sekian, Terima Kasih

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab 1, pengkaji akan mengulaskan berkaitan dengan latar belakang yang mana bahagian ini sangat penting bagi permulaan sesuatu kajian yang dilaksanakan. Menurut Nor Wahida Abdul Wahat et al., (2022) menyatakan bahawa latar belakang adalah kunci utama yang mana membuka kefahaman pembaca berkaitan dengan topik kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Seterusnya, permasalahan kajian yang mana menurut Muhammad Souhief Zeckry (2020), menyatakan bahawa permasalahan kajian perkara yang menggerakkan seluruh fungsi kajian yang dilakukan justeru itu, ianya perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebelum kajian dilaksanakan. Selain itu, dalam bab ini pengkaji juga membincangkan berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian yang mana menjadi dorongan kepada pengkaji sepanjang kajian dijalankan, Di samping itu, skop kajian dan kepentingan kajian juga akan diulaskan di dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang

Terengganu merupakan salah satu negeri yang terletak di Pantai Timur dan keluasannya sebanyak 60,528.1 hektar persegi yang mana salah satu daerah yang terdapat di negeri ini adalah Kuala Terengganu. Daerah Kuala Terengganu merupakan ibu negeri bagi Negeri Terengganu dan mempunyai beberapa tapak warisan yang mana menjadi punca kawasan ini sentiasa menjadi perhatian pelancong. Seterusnya, kedudukan Kuala Terengganu mengikut pandangan geografi berada berhadapan dengan Laut China Selatan dan Kuala Terengganu ini juga berada di muara sungai Terengganu yang mana merentasi sempadan daerah lain iaitu Hulu Terengganu dan Hulu Nerus. Sejarah yang terdapat di negeri ini menyebabkan ianya dikenali sebagai negeri perdagangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, mengikut sejarah negeri ini mempunyai pelabuhan yang besar yang mana menjadi tempat persinggahan pedagang- pedagang daripada luar justeru itu, Kuala Terengganu menjadi pusat perdagangan utama di Asia Tenggara (Fatmiaini, 2010). Oleh itu, dengan sejarah yang sedia ada berkaitan dengan pedagang luar menyebabkan Negeri Terengganu tidak asing lagi dalam penerimaan pengunjung daripada luar sejak dahulu lagi dan dengan ini ianya mampu mempengaruhi budaya di sesetengah tempat yang dikunjunginya dengan pembawaan budaya masing-masing.

Bagi pemeliharaan dan pengurusan pula sangat penting kepada tapak warisan budaya disebabkan ianya mempunyai pelbagai manfaat terutamanya dari aspek pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendidikan merupakan perkara yang penting bagi semua masyarakat justeru itu, dengan pemeliharaan yang dibuat ke atas tapak warisan budaya ini pelajar dapat melihat

sendiri bagaimana keadaan tapak dengan lebih jelas dan pada masa yang sama mereka lebih memahami dan terperinci apa yang diceritakan. Selain itu, dengan adanya pengurusan ini pendidik dapat membuat lawatan sambil belajar ke lokasi tapak warisan budaya tersebut justeru itu, pelajar dapat manfaat daripadanya yang mana mereka dapat meneroka lokasi itu sendiri.

Seterusnya, pengurusan dan pemeliharaan terhadap tapak warisan budaya penting adalah disebabkan ianya dapat melestarikan sejarah yang sedia ada pada tapak warisan budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan pemeliharaan yang dibuat serta pengurusan yang lebih baik ianya mampu menjaga sejarah tapak itu sendiri yang mana dapat mengelakkan pemalsuan sejarah berlaku. Di samping itu, keistimewaan bukit ini dapat dipelihara dan pada masa yang sama dapat mengekalkan tinggalan orang terdahulu untuk generasi akan datang serta dapat mengelakkan berlakunya perubahan hak milik yang mana dapat mengundang kemusnahan. Di samping itu, identiti Kuala Terengganu juga boleh sirna ditelan zaman apabila tapak warisan budaya jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya, tapak ini dapat dipelihara dan dapat memanjangkan jangka hayatnya dengan pengurusan yang baik ianya bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada sektor pelancongan, ekonomi, pendidikan seperti diperkatakan di atas namun juga kepada identiti budaya itu sendiri yang mana dapat menarik pelancong untuk mengunjungi tapak tersebut dan pada masa yang sama dapat memperkenalkan tapak dan budaya warisan kepada orang luar.

Pelancongan merupakan salah satu industri yang sangat penting untuk meningkatkan sektor ekonomi sesebuah negara. Di Malaysia boleh dikatakan objek warisan merupakan salah satu sumber dalam penarikan pelancong ke sesuatu tempat. Bagi pandangan Mohd Samsudin dan Sulong Mohammad (2013), pelancong yang berminat berkaitan dengan warisan mereka akan berusaha melibatkan diri untuk mencari pengalaman yang asli justeru itu, pelancong yang terlibat dapat merasai sendiri pengalaman dan dapat menggambarkan keadaan orang zaman dahulu sebagai contoh di Melaka terdapat bangunan tinggalan Eropah yang dipelihara dengan sebaik mungkin iaitu A'Famosa yang mana bertujuan untuk menarik pelancong. Hal ini menyebabkan, dengan usaha yang dilakukan ianya memberi kesan besar terhadap sektor pelancongan di Melaka yang mana bukan sahaja mampu menarik pelancong tempatan namun juga pelancong dari luar negara.

Di samping itu, Bukit Puteri perlu diberi perhatian dan mendapatkan strategi yang baik untuk memastikan tapak warisan budaya ini mampu menjadi tumpuan pelancong dengan tinggalan dan sejarah yang sedia ada ianya mampu setanding dengan tapak yang lain sepertimana yang telah dilakukan terhadap bangunan A'Famosa di Melaka. Oleh itu, pengurusan dan pemeliharaan yang baik mampu menarik pelancong dalam mahupun luar negara untuk melihat sendiri tapak warisan budaya yang telah ditinggalkan oleh Kesultanan Melayu Terengganu justeru itu, isu yang melibatkan pemeliharaan perlulah diatasi agar ianya tidak memberi kesan yang panjang terhadap tapak.

Seterusnya, terdapat beberapa cabaran yang sering dihadapi dalam memelihara dan mengurus tapak warisan budaya seperti dari segi pembiayaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kos yang digunakan untuk tapak warisan budaya bukanlah sedikit namun memerlukan kos yang tinggi untuk memastikan tapak warisan budaya dapat dipelihara dengan baik. Kos ini bukan sahaja melibatkan juru runding semata-mata malah ianya juga melibatkan peralatan dan tenaga pembantu yang diperlukan oleh konservator justeru itu, pihak berkuasa perlu membuat perancangan dengan baik dalam mendapatkan dana untuk memastikan pemeliharaan dapat dijalankan dengan lancar.

Selain itu, isu dalam pengurusan dan pemuliharaan warisan adalah melibatkan ancaman pembangunan. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebabkan ketidakseimbangan sesebuah bangunan terpaksa dimansuhkan demi mendapatkan keuntungan daripada memastikan warisan terus sirna. Walaupun sesebuah warisan telah diwartakan dan diumumkan sebagai warisan budaya, bangunan bersejarah mahupun tapak bersejarah namun, risiko untuk mendapatkan ancaman terutamanya dalam memfokuskan penubuhan pembangunan ataupun sesuatu bentuk fizikal yang dapat meningkatkan ekonomi masih tinggi sebagai contoh yang terjadi pada tapak warisan budaya yang mana telah diwartakan sebagai warisan budaya namun disebabkan mementingkan ekonomi bangunan warisan budaya itu mendapat ancaman untuk membuat pembinaan pembangunan baru di tapak tersebut (Zainuddin Baco, 2018). Oleh itu, masyarakat perlu bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam membantu untuk memastikan agensi pengurusan warisan menjadi mata sekiranya sesebuah warisan budaya mengalami ancaman daripada pihak dalam mahupun luar supaya tindakan boleh diambil dengan kadar segera.

Kesimpulannya, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti aspek pemeliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Hal ini menyebabkan, sedikit sebanyak dapat menghuraikan penyebab berlakunya penutupan yang panjang terhadap tapak Bukit Puteri kepada orang awam. Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya memberi impak kepada tapak itu sendiri dalam sektor pelancongan warisan. Selain itu, kajian ini juga meliputi tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri. Hal ini menyebabkan, pengkaji dapat mengenalpasti sejauhmanakah tahap pengetahuan masyarakat berkaitan dengan sejarah Bukit Puteri serta kepentingannya kepada masyarakat. Akhir sekali, adalah berkaitan dengan strategi yang sesuai digunakan untuk promosi tapak warisan Bukit Puteri walaupun ianya menghadapi beberapa faktor yang menyebabkan ianya terpaksa ditutup untuk sektor pelancongan buat seketika waktu. Hal ini menyebabkan, pengkaji mengenalpasti cadangan yang sesuai untuk masyarakat mengenali atau masih menerima maklumat berkaitan tapak ini walaupun ianya ditutup untuk para pelancong.



Foto 1.1

Kubu Lama Bukit Puteri

Sumber: Farahi Kamaruddin, 2019

<https://www.thepatriots.asia/bukit-puteri-antara-kubu-dan-bunian/>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Foto 1.2

Pintu Hadapan Bukit Puteri

Sumber: Farahi Kamaruddin, 2019

<https://www.thepatriots.asia/bukit-puteri-antara-kubu-dan-bunian/>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian adalah berkaitan dengan isu yang berbangkit di dalam kajian ini justeru itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti tajuk serta objektif. Terdapat beberapa permasalahan yang ditemukan dan dinyatakan

1.3.1 Penyelenggaraan yang dilakukan oleh pihak muzium terhadap tapak Bukit Puteri mengambil masa yang panjang.

Berdasarkan pemerhatian awal pengkaji, permasalahan di dalam kajian ini adalah berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan budaya sepertimana yang telah dihadapi oleh tapak warisan Bukit Puteri yang mana telah mengambil masa yang panjang ketika pemeliharaan dijalankan iaitu bermula pada tahun 2019 sehingga kini (Baharom Bakar, 4 Feb 2023). Selain itu, pengkaji mendapati kesukaran dalam mencari kaedah yang berkesan dan kesinambungan untuk memelihara dan memulihara tapak warisan budaya di Kuala Terengganu seperti Bukit Puteri justeru itu, maklumat yang diperoleh tidak memadai dengan kajian yang ingin dilakukan serta sukar untuk membuat pemilihan yang betul berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan budaya. Hal ini menyebabkan, kemungkinan pemilihan kaedah yang tidak tepat akan berlaku dan perkara ini menyumbang kepada masalah dan kemerosotan dalam penjagaan tapak warisan dan pada masa yang sama ianya membuka ruang kepada kehilangan nilai budaya itu sendiri (Pedersen, 2002; Nuryanti, 1996).

1.3.2 Pengetahuan masyarakat terhadap tapak Bukit Puteri kurang memberansangkan.

Pemerhatian awal pengkaji juga mendapati kurangnya kesedaran dan penghargaan dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan anak muda yang mana mereka tidak beranggapan tapak warisan budaya tidak mempunyai kepentingan dan terdapat persepsi bahawa tapak warisan hanyalah peninggalan zaman dahulu yang kurang relevan di dalam era permodenan pada masa kini. Hal ini menyebabkan, penyelidikan dalam kalangan anak muda kurang memuaskan berbanding masyarakat yang lebih berumur. Tapak warisan yang diperkatakan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya yang mana boleh mendatangkan kemorototan terhadap nilai sejarah dan budaya untuk generasi akan datang justeru itu, sekiranya masalah ini tidak ditangani ianya akan sirna ditelan zaman yang mana generasi akan datang akan kehilangan peluang untuk mengenali dan menghargai warisan budaya yang pernah dimiliki. Seterusnya, mereka juga akan merasakan kehilangan identiti budaya serta sejarah yang erat berkaitan dengan tapak warisan tersebut (Ekowati et al., 2019). Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap tapak warisan budaya Bukit Puteri perlu diperkukuhkan agar dapat melindungi tapak warisan budaya daripada sirna dan dapat memastikan kelestarian tapak warisan untuk generasi akan datang terjaga.

1.3.3 Penyampaian maklumat berkaitan tapak warisan kepada masyarakat kurang memuaskan

Akhir sekali, permasalahan yang dihadapi adalah berkaitan dengan strategi pemasaran yang mana kesukaran dalam mengetahui strategi yang betul untuk mempromosi dan memasarkan Bukit Puteri sebagai salah satu aset pelancongan yang dapat menarik pelancongan dalam dan luar untuk melihat sendiri keadaan tapak ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemasaran yang tidak mencukupi dan menarik tidak mampu memasarkan tapak warisan budaya ini ke dalam pasaran dunia. Hal ini menyebabkan, kurangnya kehadiran pelancong ke lokasi menyebabkan sektor ekonomi akan terjejas yang mana sekiranya kurang pelancong maka kurangnya hasil pendapatan dari sektor pelancongan dan pada masa yang sama ianya akan memberi kesan negatif kepada tapak warisan itu sendiri seperti kelestarian tapak tidak akan terjaga (Bianchi & Boniface, 2002; Garrod & Fyall, 2000).

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah berkaitan dengan objektif kajian yang mana telah ditetapkan oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai kajian beliau:

- I. Sejuahmanakah aspek pemeliharaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri?
- II. Sejuahmanakah tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri?
- III. Apakah strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara?

1.5 Objektif

Objektif kajian adalah merupakan perkara yang sangat penting yang mana dijadikan rujukan dan sasaran sepanjang kajian dilakukan. Objektif merupakan matlamat utama khusus yang perlu diselesaikan oleh pengkaji supaya dapat mengorganisasikan dalam penyelidikan yang dilakukan. Antara objektif di dalam kajian ini adalah:

- I. Menyelidik aspek pemeliharaan pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri.
- II. Mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri.
- III. Mengenalpasti strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara.

1.6 Skop Kajian




Foto 1.3

Lokasi Bukit Puteri

Sumber: Google Maps




Foto 1.4

Lokasi Bukit Puteri dengan lebih Dekat

Sumber: Google Maps

Skop kajian merupakan sebahagian yang perlu diberi perhatian dengan lebih terperinci untuk memastikan sesuatu kajian dapat dilakukan dengan lancar. Antara skop kajian yang telah dilakukan adalah pada masa, yang mana sepanjang kajian dibuat pengkaji melimitasikan masa yang telah dihadkan oleh pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk menjayakan kajian ini iaitu selama 1 semester. Selain itu, kajian ini akan dilaksanakan di Bukit Puteri, Kuala Terengganu sebagai lokasi utama serta kawasan sekitarnya untuk memastikan maklumat yang diperolehi lebih menepati intipati kajian. Kedudukan lokasi ini adalah di persisiran sungai Terengganu dan berhampiran dengan Kota Istana Maziah. Seterusnya, bukit ini merupakan sebuah bukit semulajadi yang dijadikan tempat penubuhan kubu pertahanan pada ketika dahulu. Lokasi ini juga strategik ketika dahulu untuk menjalankan kegiatan perdagangan.

Selain itu, pengkaji memfokuskan kepada peranan pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan tapak Bukit Puteri, Kuala Terengganu dalam membangunkan semula tapak ini. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami dan mengetahui isu dalam pengurusan pemeliharaan yang dilaksanakan ke atas tapak warisan iaitu Bukit Puteri untuk terus dipelihara dan pada masa yang sama dapat meningkatkan sektor ekonomi di kawasan tersebut. Selain itu, pengkaji juga melibatkan komuniti dalam merealisasikan kajian untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan dengan objektif 2 dan 3. Tapak Bukit Puteri ini dipelihara di bawah penjagaan Muzium Negeri Terengganu yang mana bertanggungjawab dalam meningkatkan infrastruktur, keselamatan dan kemudahan yang terdapat di Bukit Puteri untuk memastikan

kekurangan yang terdapat di tapak budaya ini dinaiktaraf dan memenuhi kepuasan bagi pengunjung.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian merupakan salah satu perkara yang diterapkan ke dalam kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji dapat memanupulasikan kajian dibuat dapat memberi manfaat kepada ramai pihak seperti masyarakat, individu dan tapak warisan itu sendiri. Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri yang mana mampu melestarikan nilai budaya dan sejarah Bukit Puteri, meningkatkan industri pelancongan, dapat memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat dan meningkatkan pembangunan polisi dan kerangka kerja pengurusan.

1.7.1 Pelestarian nilai budaya dan sejarah

Kajian yang dibuat oleh pengkaji menghuraikan berkaitan dengan sejarah dan pengurusan Bukit Puteri yang mana ianya bukan sahaja dapat menambah pengetahuan dan maklumat sejarah namun, ianya dapat memberi pengetahuan berkaitan dengan nilai budaya yang tersemat pada Bukit Puteri. Bukit Puteri merupakan sumber yang sangat penting untuk memahami sejarah serta budaya masyarakat tempatan.

Seterusnya, dengan kajian ini ianya dapat membantu orang ramai dalam mengulas dan menganalisis teknik dan strategi yang berkesan dalam memelihara tapak warisan budaya dengan betul agar ianya tidak sirna ditelan zaman. Hal ini menyebabkan, generasi akan datang sentiasa menghargai dan mempelajari sejarah serta budaya mereka.

Selain itu, dengan kajian yang dibuat dapat mengelakkan sejarah dan

budaya tapak warisan ini dipalsukan serta dirampas oleh orang yang tidak bertanggungjawab iaitu mereka yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata.

1.7.2 Peningkatan industri pelancongan

Tapak warisan budaya seperti Bukit Puteri adalah salah satu aset yang berharga dalam sektor pelancongan yang mana mempunyai kisah-kisah yang menarik dan mampu menarik pelancong luar yang meminati perkara berkaitan dengan warisan untuk hadir serta melihat sendiri tapak dan monumen bersejarah justeru itu, kajian ini akan menyumbang kepada pengetahuan sektor pengurusan yang betul dalam memelihara warisan serta cara yang terbaik dalam mempromosikan tapak kepada orang ramai sehingga dapat menarik lebih ramai pelancong serta dapat meningkatkan pendapatan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Maisarah Mohd Rabu et al. (2016), untuk memastikan pelancongan sentiasa bertambah maju, pelbagai kaedah perlu digunakan untuk menggalakkan kehadiran pelancong ke sesuatu tempat justeru itu, dengan kajian ini ianya dapat membantu dalam mencari tahu kaedah yang sesuai dalam meningkatkan sektor pelancongan dan sekaligus dapat meningkat industri pelancongan.

1.7.3 Kesedaran dan pendidikan masyarakat

Kajian ini akan menyediakan maklumat dan cadangan yang berguna untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan masyarakat berkaitan dengan kepentingan pemeliharaan dan pengurusan tapak warisan budaya. Kajian ini memberi pengetahuan dan kesedaran terutamanya melibatkan pemeliharaan warisan yang mana ianya meliputi pengurusan yang digunakan serta cadangan dalam meningkatkan pemeliharaan warisan budaya seperti Bukit Puteri justeru itu, kajian ini dapat mendorong masyarakat untuk berperanan aktif dalam pelestarian dan promosi warisan budaya mereka kepada orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya kesedaran dalam diri ianya dapat meningkatkan pengetahuan dan minat untuk terus mendalami sesuatu objek atau tapak warisan budaya. Hal ini menyebabkan, ianya dapat membantu warisan sesuatu tempat untuk terus utuh dan dikenali oleh masyarakat.

1.7.4 Pembangunan polisi dan kerangka kerja pengurusan

Penemuan kajian ini dapat membantu Agensi Bukan Kerajaan (NGO), pengurusan warisan dan pihak berkepentingan lain dalam mengembangkan lagi polisi dan kerangka kerja yang lebih terperinci untuk pengurusan tapak warisan budaya sekiranya pengurusan tidak diangkat tinggi didalam sesuatu pekerjaan ianya akan menimbulkan permasalahan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada sebelumnya terdapat pengurusan melibatkan pembangunan ‘Semberono’ yang mana melibatkan Bukit Puteri. Mengikut sumber pembacaan, pembangunan tidak dirancang seperti melakukan pembangunan di lereng bukit telah menyebabkan pemandangan Bukit Puteri terjejas serta mampu mendatangkan permasalahan berkaitan dengan keselamatan (Wartawan BO, 2017). Seterusnya, dengan kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan pengurusan yang melibatkan pembangunan dan pemeliharaan ini mampu meningkatkan keberlanjutan dan keberkesanan usaha pemeliharaan dan pengurusan tapak warisan budaya seperti Bukit Puteri. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembangunan kerangka kerja yang baik mampu meningkatkan kecekapan sesuatu pengurusan daripada awal hingga akhir yang mana setiap rangka kerja mempunyai peranan masing-masing.

Secara keseluruhan, kepentingan kajian ini terletak pada sumbangan dalam memahami cabaran dan peluang yang dihadapi dalam pengurusan tapak warisan budaya serta menghasilkan rekomendasi untuk meningkatkan usaha pemeliharaan, pengurusan dan promosi

tapak warisan budaya seperti Bukit Puteri sebagai tarikan pelancong. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan pemahaman yang terdapat di dalam diri ianya mampu untuk melaksanakan pengurusan dan pemeliharaan dengan lebih baik serta membantu meningkatkan tapak warisan budaya di dalam sektor pelancongan warisan.

1.8 Rumusan

Tujuan penyelidikan terhadap tapak warisan budaya iaitu Bukit Puteri adalah untuk menghurai aspek pemeliharaan terhadap Bukit Puteri yang mana sedikit sebanyak dapat menghuraikan faktor penutupan Bukit Puteri kepada orang awam buat seketika waktu. Selain itu adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan serta kepentingan tapak Bukit Puteri. Setrusnya berkaitan dengan strategi dan cadangan untuk memastikan tapak Bukit Puteri ini sentiasa dikenali oleh masyarakat supaya tidak sirna ditelan zaman. Oleh itu, melalui bab ini pengkaji akan membuat kajian melalui objektif, tajuk serta permasalahan yang dihadapi serta dengan kerangka yang telah dihasilkan dapat membantu pengkaji untuk meneruskan kajian tanpa adanya permasalahan yang timbul semasa kajian dilakukan dengan lebih terperinci.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab 2, pengkaji akan menggunakan kajian lepas untuk membantu dalam menyelesaikan kajian. Perkara yang dibincangkan di dalam bab ini adalah berkaitan dengan sejarah dan warisan negeri Terengganu yang mana merupakan negeri mempunyai pelbagai khazanah bersejarah yang tersendiri. Seterusnya, dalam bab ini juga, pengkaji akan menyelidik berkaitan dengan sejarah dan warisan Kuala Terengganu untuk mengetahui serba sedikit tapak warisan yang terdapat di daerah Kuala Terengganu. Selain itu, pengkaji juga akan mengkaji sejarah tapak warisan terutamanya tapak Bukit Puteri supaya selari dengan tajuk kajian. Akhir sekali, pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan pengurusan tapak warisan Negeri Terengganu.

2.2 Sejarah dan Warisan Negeri Terengganu

Tapak warisan merupakan sesuatu yang telah digunakan atau dimanfaatkan ketika zaman dahulu dan masih kekal sehingga sekarang. Bagi pandangan Sullivan (2016), warisan budaya adalah merupakan sebuah peninggalan daripada sekumpulan masyarakat yang diwarisi sejak dahulu kala sehingga kini dan ianya dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Seterusnya, warisan budaya boleh dikategorikan sebagai sesuatu yang melibatkan masyarakat seperti tapak, objek dan amalan orang terdahulu yang berpendapat sesuatu perkara penting pada ketika dahulu dan layak untuk dipelihara (Christoph Brumann, 2015). Selain itu, warisan budaya adalah perkara yang perlu diambil perhatian dari segi penjagaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya warisan ini, identiti sesebuah negara atau sekumpulan masyarakat dapat dikenal pasti dan terjaga. Di Terengganu terdapatnya beberapa tapak warisan budaya yang masih utuh dan dijaga oleh pihak berkuasa.

Menerusi Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu (n.d.), Negeri Terengganu Darul Iman adalah merupakan salah satu negeri yang berlokasi di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang mana sebelum tahun 1947 negeri Terengganu mempunyai sembilan buah daerah iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Kemasik, Paka, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, Besut dan Setiu namun, pada tahun 1985 hanya memperoleh 7 buah daerah sahaja iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut yang mana mempunyai pelbagai warisan atau khazanah yang ditinggalkan.

Menerusi Team CutiMY (20 Okt 2023), di Terengganu mempunyai beberapa tempat bersejarah yang masih dikekalkan sehingga sekarang. Antara tapak warisan yang dikekalkan adalah seperti Makam Diraja Bukit Keledang, *Memorial Stone Inscription*, Istana Maziah, Kota Lama Duyung, Pura Tanjung Sabtu, Terowong Bukit Tebuk, Istana Nur Nadhirah, Taman Tamadun Islam, Bukit Besi, Minaret in Pagodestijl (Kampung Tok ku) dan Makam Tok Gajah. Jelaslah bahawa Terengganu merupakan salah satu negeri yang mempunyai nilai dan tapak bersejarah yang masih dijaga sehingga sekarang.

Selain itu, menerusi Laman Web Rasmi Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (13 Ogos 2017) menyokong kenyataan yang dikeluarkan oleh Team CutiMY (20 Okt 2023) menyatakan bahawa Terengganu ini mempunyai beberapa tapak bersejarah yang ditinggalkan seperti Perkampungan Cina, Istana Maziah, Masjid Terapung dan Kota Lama Duyung. Setiap tapak mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri yang mana perlu dijaga untuk tatapan anak muda generasi untuk dimanfaatkan seperti dari segi pelancongan, pendidikan dan penyelidikan. Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengambil inisiatif supaya tapak-tapak di Negeri Terengganu ini terus maju dan dijaga supaya menjadi aset yang bernilai dan dikenali oleh masyarakat tempatan atau luar.

2.2.1 Sejarah dan Warisan Kuala Terengganu

Menerusi Portal Rasmi Majlis Bandaraya (n.d.) Kuala Terengganu menyatakan bahawa Kuala Terengganu merupakan sebuah daerah dan Ibu Negeri yang dikenali sejak dahulu lagi sebagai pusat perlabuhan. Hal ini dikatakan demikian kerana, Kuala Terengganu berdekatan dengan pesisiran pantai yang menjadi laluan bagi pedagang-pedagan luar dan

kenyataan ini juga disokong oleh Fatmiaini (17 Jun 2010) di dalam laman web Pelancongan Terengganu yang bertajuk ‘Sejarah Asal Daerah Kuala Terengganu’ menyatakan bahawa Sungai Terengganu merupakan laluan utama bagi pedagang asing menyebabkan Kuala Terengganu menjadi bandar perdagangan yang berkembang pesat terutamanya diantara Kerajaan China dan Kerajaan Terengganu pada ketika dahulu.

Di samping itu, menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (13 Ogos 2017), menyatakan bahawa Kuala Terengganu merupakan ‘Bandaraya Warisan Pesisir Air’ yang mampu menarik pelancong iaitu seperti Perkampungan Cina yang mana merupakan tapak warisan yang terdapat di Kuala Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkampungan ini ditubuhkan seawal tahun 1600 ketika kedatangan pedagang dari China. Perkampungan ini masih utuh dengan pembinaan rumah kedai lama yang membawa campuran budaya dan warisan Cina Terengganu. Kenyataan ini disokong oleh Nurhisyam Shafiq Mat Lopa (2014), dalam tajuk kajiannya iaitu ‘Pengurusan Pameran Khazanah Kampung Cina iaitu Kebaya Cina oleh Muzium Terengganu’ yang menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian dan temu bual menyatakan bahawa kewujudan Kampung Cina adalah disebabkan adanya hubungan erat pedagang dari Kerajaan Cina dan Kerajaan Terengganu pada ketika dahulu.

Selain itu, menerusi Laman Web Rasmi Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (13 Ogos 2017), menyatakan Pasar Payang juga termasuk warisan yang terdapat di Kuala Terengganu yang merupakan bandaraya warisan pesisir air. Pasar ini merupakan pasar basah dan kering utama yang menjadi tumpuan masyarakat dari pelbagai bangsa dan budaya. Kenyataan ini disokong oleh Sidek Jamil (1999), menyatakan bahawa pasar payang adalah salah satu bazar di Terengganu yang mana merupakan tempat pelabuhan pedagang sejak abad ke-13, kebanyakan peniaga dari Pasar Payang adalah pewaris dari turun temurun yang mana menerusi portal Rasmi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu juga menyokong bahawa pasar payang adalah merupakan pusat pelabuhan pada ketika dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, Pasar Payang dibina dan terletak di tepi Sungai Terengganu.

Di samping itu, Istana Maziah juga merupakan warisan yang bertapak di Kuala Terengganu dan berlokasi di kaki Bukit Puteri juga merupakan tapak warisan semulajadi yang berlokasi di tengah-tengah bandar dan berhampiran dengan Sungai Terengganu. Menurut Syais (2010), menyatakan bahawa Istana Maziah merupakan istana yang pertama menjalankan upacara rasmi diraja. Pembinaan istana ini adalah untuk menggantikan Istana Hijau yang mengalami kebakaran. Istana Maziah ini dipelihara disebabkan ianya meninggalkan warisan yang sangat besar dalam upacara rasmi seperti pertabalan Sultan Terengganu pada ketika dahulu dan kenyataan ini disokong melalui Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia (n.d.) menyatakan bahawa Istana Maziah terletak di pinggir Bukit Puteri dan menghala ke Laut China Selatan yang

merupakan istana bersejarah dan mercu tanda penting bagi bandar Kuala Terengganu. Pembinaan istana ini siap sepenuhnya ketika zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dan telah siap sepenuhnya pada tahun 1903.

Seterusnya, Bukit Puteri juga merupakan tapak warisan yang bertapak di Kuala Terengganu dan meninggalkan pelbagai sejarah melibatkan kesultanan pada zaman dahulu dengan pelbagai sejarah. Seterusnya, Bukit Puteri merupakan salah satu aset pelancongan yang mempunyai sejarah tersendiri berlokasi kira-kira 0.688 hektar dan ketinggian sebanyak 200 meter dari aras laut dan terletak berhampiran dengan tebing sungai Terengganu dan kedudukan Bukit Puteri ini sangat strategik yang mana berhampiran dengan Istana Maziah dan Masjid Abidin (Farahi Kamaruddin, 2019). Menerusi Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia (n.d.), Bukit Puteri menyimpan pelbagai sejarah yang mana menjadi saksi pembangunan Kuala Terengganu. Kedudukannya menghala ke Sungai Terengganu dan Laut China Selatan menjadikannya pusat kawalan dan pertahanan pada ketika dahulu. Dipercayai Bukit Puteri ini telah wujud pada sekitar abad ke-16 lagi. Tapak ini juga mempunyai peninggalan koleksi-koleksi yang digunakan ketika peperangan dahulu.

2.2.2 Sejarah Tapak Warisan Budaya Bukit Puteri

Menurut Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin (2019), di dalam tajuk kajiannya 'Sejarah Bukit Puteri Sebagai Tapak Warisan Kebudayaan Semulajadi' Di Negeri Terengganu' yang menggunakan kaedah temubual, lapangan dan perpustakaan menyatakan bahawa Bukit Puteri adalah merupakan tapak warisan semulajadi yang terdapat di Negeri Terengganu dan ianya berfungsi sebagai kubu pertahanan pada ketika dahulu iaitu pada zaman Kesultanan Melayu Terengganu ketika abad ke-18 dan ke-19. tapak ini dijadikan sebagai kubu pertahanan dan pusat pemerintahan untuk mempertahankan Negeri Terengganu daripada diancam oleh penjajah pada ketika dahulu. Selain itu, tapak ini juga dijadikan sebagai kawasan rujukan bagi kegiatan perdagangan pada tahun 1708 iaitu ketika zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah I.

Menerusi laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara (1 Feb 2023), pada tahun 1831 hingga 1839 berlakunya pergaduhan politik Kesultanan Terengganu ketika zaman pemerintahan Sultan Umar II, Sultan Mansur II dan Sultan Muhamad I. Hal ini dikatakan demikian kerana, berlakunya perebutan hak milik kubu pertahanan (Bukit Puteri) untuk dijadikan sebagai lokasi strategik pada ketika dahulu. Hal ini menyebabkan, berlakunya perang saudara diantara Tengku Umar dan Sultan Mansur II di sekitar tapak Bukit Puteri. Buktinya terdapatnya peninggalan peperangan yang masih utuh sehingga pada harini ini iaitu seperti kubu, singgah sana dan tempat penyimpanan peluru.

Menurut Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin (2019), menyatakan bahawa akibat daripada pergaduhan yang tercetus menyebabkan Sultan Mansur telah mengambil keputusan untuk membina sebuah kubu pertahanan milik beliau disebalik di Balik Bukit manakala bagi Tengku Umar pula membina kubu pertahanan miliknya di puncak Bukit Puteri iaitu pada tahun 1831. Kenyataan ini disokong oleh Syazwan Safwan (2010), dengan tajuknya 'Bukit Puteri: Saksi Sejarah Negeri Terengganu' bahawa kubu yang terdapat di atas Bukit Puteri dibina oleh Baginda Umar yang dihasilkan dengan menggunakan beberapa bahan seperti batu bata, kapur, pasir garam, putih telur dan madu untuk memastikan kubu yang dibinanya kukuh dengan baik. Di dalam peperangan ini Tengku Umar telah menyerang kubu pertahanan milik Sultan Mansur sebanyak tiga kali namun, nasib tidak menyebelahi baginda. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam perang saudara beliau telah menerima kekalahan dengan Tengku Mansur disebabkan itu beliau dibuang daerah dan dilucutkan jawatan sebagai pemerintah (Wan Zamri, 1995)

Menurut Abdullah Zakaria Ghazali (1996), di dalam penulिसannya yang bertajuk ' Terengganu: Tokoh Dan Perjuangan' menyatakan bahawa pada abad ke-19, kubu pertahanan di puncak Bukit Puteri dilengkapi dengan senjata seperti meriam, dinding batu mengelilingi bukit. Hal ini dikatakan demikian kerana, hadirnya penjajah dari luar untuk menakluki Terengganu pada ketika itu iaitu dari pihak Brinton, Siam serta Jepun. Pada abad ke-19 Negeri Terengganu telah diancam oleh Kolonel R. Macpherson iaitu sebagai ketua

sekumpulan tentera dari pihak Brinton yang melepaskan serangan melalui Sungai Terengganu kearah Bukit Puteri.

Menurut Abdul Rahman Embong (2012), di dalam penulisannya yang bertajuk 'Terengganu merentasi tiga abad: kesultanan, politik, ekonomi, agama dan budaya' menyatakan bahawa Brinton mula menyebarkan pengaruhnya dan bertapak di Terengganu pada tahun 10 Mac 1909. Hal ini dikatakan demikian kerana, Kerajaan Siam melakukan satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Bangkok bersama pihak British. Hasil daripada perjanjian ini Kerajaan Siam menyerahkan Negeri Terengganu kepada pihak British sebagai tanda persahabatan dan ingin meningkatkan ekonomi di Siam. Namun, pada tahun 1942, keamanan dan kedaulatan Negeri Terengganu mula terganggu. Hal ini dikatakan demikian kerana, penjajah dari Jepun mula menyerang Terengganu untuk mengambil kuasa dan menakluk Negeri Terengganu daripada pihak Brinton. Menurut Abdullah Zakaria Ghazali (1996), pada tahun 1942 pihak Jepun berjaya mengalahkan pihak Brinton dengan mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak Siam. Disebabkan peperangan ini telah menjayakan rancangan dalam mengalahkan pihak Brinton, pihak Jepun telah mengalihkan pentadbiran yang sedia ada kepada tentera Siam sebagai tanda kerjasama mengalahkan Brinton di Terengganu.

Menurut Rogayah Abdul Hamid dan Mariyam Salim (2006), menyatakan bahawa hasil daripada peperangan yang tercetus pelbagai peralatan pertahanan ditinggalkan. Konflik ini berakhir ketika zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III yang mana beliau berjaya mengalahkan pentadbiran daripada pihak Siam di bawah penguasaan Jepun iaitu pada tahun 1945. Di samping itu, untuk menjaga kedaulatan negerinya, beliau bekerjasama dengan pihak Britain untuk menjatuhkan pentadbiran dan menyingkirkan Siam dan Jepun di Terengganu

2.3 Pengurusan Tapak Warisan Negeri Terengganu

2.3.1 Definisi Pengurusan Tapak

Pengurusan merupakan perkara yang sangat penting dalam setiap hal pekerjaan yang mana dengan adanya pengurusan yang baik, setiap atur kerja dapat dilakukan dengan lancar tanpa adanya sebarang permasalahan yang timbul. Menurut Helmi (2004), pengurusan adalah suatu proses seperti merancang, menyelaras, memimpin dan mengawal aktiviti di dalam sesebuah organisasi supaya objektif dan matlamat organisasi itu sendiri tercapai dan berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap pengurusan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang telah diberikan dan memantau dalam setiap perjalanan mengikut bidang dan bahagian masing-masing.

Di samping itu, untuk memastikan produk warisan tidak sirna ditelan zaman, pengurusan dalam pemeliharaan sesuatu perkara perlulah diangkat tinggi agar tapak warisan budaya seperti Bukit Puteri dapat dipelihara justeru itu, pengurusan yang bagus merupakan elemen penting dalam aktiviti membaik pulih warisan agar dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang (Rosniza Aznie Che Rose & Nur Athirah Khalid, 2017). Pengurusan adalah salah satu yang sangat penting dalam sesuatu kerja yang ingin dilakukan agar dapat memastikan kerja-kerja dapat dijalankan dengan baik dan lancar.

Seterusnya, bagi pendapat Norsimah Lakassa (2007), pengurusan bagi sesebuah koleksi seperti dari segi penjagaan bentuk fizikal dan membuat pendokumentasian, mempunyai masa yang telah ditetapkan dan merangkumi aktiviti-aktiviti pemuliharaan yang telah disenaraikan mengikut kesesuaian objek justeru itu, perkara-perkara yang tidak diingini dan memberi ancaman dapat dielakkan daripada terus berlaku kepada objek warisan budaya seperti Bukit Puteri.

Di samping itu, menurut Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2010), Akta Warisan Kebangsaan 2005 adalah merupakan perkara yang penting untuk dijadikan sebagai rujukan sekiranya melibatkan sesuatu warisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya akta setiap persoalan melibatkan warisan terjawab dan memudahkan orang ramai peka dalam setiap masalah yang dihadapi, yang mana akta ini merangkumi perkara yang penting seperti dari segi pengumpulan, pendokumentasian penyelidikan, pemuliharaan dan pembangunan

setiap warisan justeru itu, dengan adanya aturan ini pengurusan sesuatu tapak warisan budaya dapat diselarikan.

Menurut Siti Norlizaiha Harun et al., (2005) dalam tajuk kajiannya iaitu 'Pengurusan Tapak Warisan Dan Pelancongan' menyatakan bahawa pengurusan warisan adalah satu langkah untuk mengawal atau memelihara pelbagai sumber dari segi fizikal ataupun sosial yang terdapat pada tapak atau objek bersejarah. Pengurusan ini bertujuan untuk mengurangkan kesan kemusnahan disebabkan faktor alam sekitar dan masyarakat sendiri.

2.3.2 Pemeliharaan Tapak Warisan

Pemeliharaan merupakan perkara yang penting untuk memastikan sesuatu tapak dapat diwarisi serta jangka hayatnya dapat dipanjangkan. Menurut Daeng Haliza Daeng Jamal et al., (2017), beranggapan pemuliharaan bukan sahaja dapat meningkatkan jangka hayat sesuatu objek atau tapak seperti bangunan bersejarah namun, ianya juga dapat meningkatkan integrasi konservasi bersama warisan budaya.

Seterusnya, menurut Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2013), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) juga terlibat dalam memelihara dan membaik pulih untuk memastikan sesuatu objek atau tapak seperti pembangunan tidak diceroboh dan tidak sirna ditelan zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam seksyen 58 (1) (f) menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan dibenarkan dan juga

bertanggungjawab dalam menjaga bangunan, tanah serta monumen yang dapat memberi kepentingan dan mempunyai nilai sejarah yang tersendiri dan pihak mereka diberi kepercayaan dalam memelihara dan melakukan kerja-kerja membaikpulih seperti mengecat, membaiki kerosakan dan menjaganya daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Seterusnya, di dalam Akta 172 juga di bawah seksyen 12 (3) (a) (viii) juga menyatakan bahawa sesuatu perancangan perlulah dibuat secara terperinci tanpa membolehkan sebarang masalah timbul daripada kesilapan sendiri ketika aktiviti membaikpulih dilakukan yang mana akan memberi kesan buruk ke atas tapak. Di samping itu, perancangan ini dibuat adalah untuk memastikan kerja-kerja seperti memelihara, melestarikan tapak dan pada masa yang sama hal ini dapat menjamin dan meningkatkan keselamatan.

Di samping itu, mengikut akta 645 di bawah dasar jagaan tapak warisan yang mana terdapat peraturan di dalam pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan yang boleh dijadikan rujukan ramai pihak iaitu subseksyen 38 (1) yang menyatakan jika tapak warisan tersebut mempunyai pemilik, pesuruhjaya boleh berunding dengan pihak berkuasa negeri dan membuat perkiraan dengan pemunya dari segi pemeriksaan, penyenggaraan, pemuliharaan dan pemeliharaan. Jika pemilik bersetuju, pesuruhjaya boleh memberi sumbangan dari segi kos untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan terhadap tapak tersebut (Akta Warisan Kebangsaan 2005, 2006) justeru itu, dengan adanya rujukan ini

ramai pihak perlu berganding bahu dalam memastikan tapak warisan di negara ini dipelihara agar dapat menjaga khazanah yang ditinggalkan kepada kita. Oleh itu, dengan adanya panduan ini, ianya dapat memberi manfaat untuk dijadikan rujukan berkaitan dengan pemuliharaan tapak warisan justeru itu, tapak warisan dapat dipelihara ianya lebih mengukuhkan kajian berkaitan dengan pemuliharaan tapak warisan yang sedang dilakukan oleh pengkaji bahawa tapak warisan perlu diangkat tinggi tidak kira dari segi ekonomi mahupun kelestarian.

Menurut Renawati Deris (2013), di dalam tajuk kajiannya iaitu 'Pemuliharaan Seni Bina Istana Tengku Long oleh Lembaga Negeri Terengganu' melalui kaedah sekunder, pemerhatian dan temu bual menyatakan bahawa untuk menjalankan kaedah pemuliharaan ke atas Istana Tengku Long ianya merangkumi beberapa perkara. Istana ini merupakan tapak bersejarah bagi Negeri Terengganu yang diselenggara dan dijaga dibawah pihak Muzium Negeri Terengganu. Kaedah yang digunakan adalah dengan melakukan pemeriksaan secara keseluruhan seperti dinding, lantai, tiang, atap dan elemen-elemen yang terdapat pada istana. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk mengenalpasti kerosakan yang ada untuk memudahkan pihak mereka membuat cadangan penambahbaikan mengikut kaedah konservasi yang betul. Oleh itu, langkah ini juga perlu diadaptasikan ke atas Bukit Puteri supaya tapak ini dapat dibuka semula kepada sektor pelancongan.

Menerusi laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara (1 Feb 2023), yang bertajuk 'Bukit Puteri Dibuka Semula Sebagai Aset

Pelancongan' mengatakan bahawa Bukit Puteri akan dibuka semula kepada sektor pelancongan setelah ditutup pada tahun 2019. Penutupan ini berlaku disebabkan kerana adanya kerja-kerja pengubahsuaian pada Bukit Puteri yang mana bermula pada tahun 2022. Jangkaan Bukit Puteri dibuka semula kepada orang awam adalah pada Januari 2023. Pihak Muzium Negeri Terengganu bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara supaya terus kekal untuk generasi akan datang.

Menurut Muhammad Azmi Ngah (2023) menerusi BH *Online* yang bertajuk 'Kerajaan lulus peruntukan Rm240,000 baik pulih kerosakan Bukit Puteri' menyatakan bahawa pembangunan Bukit Puteri telah dijalankan menerusi dana yang diperolehi sebanyak RM240,000. Dana yang diperolehi ini telah digunakan untuk melakukan pembangunan semula terhadap tangga, kaunter tiket, pemasangan lampu serta naik taraf landskap serta kerosakan disebabkan hakisan tanah. Menurut beliau tapak Bukit Puteri ini dijangka akan dibuka pada awal April 2023. (Baharom Bakar, 4 Feb 2023)

Menurut Mastura Jamal Din (20 Jan 2023) menerusi TRDI *News* yang bertajuk 'Bukit Puteri Dibuka Kembali Akhir Januari Ini' menyatakan bahawa pembangunan semula tapak Bukit Puteri dijalankan pada 17 Oktober 2022 dengan peruntukan diperolehi melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN). Kos yang digunakan dalam pembangunan serta pemuliharaan keatas Bukit Puteri adalah sebanyak RM230,660. Di samping itu, Bukit Puteri adalah merupakan salah satu

tapak bersejarah dan produk pelancongan yang akan beroperasi semula pada akhir Januari 2023.

2.3.3 Tapak Warisan Negeri Terengganu Sebagai Produk Pelancongan

Malaysia boleh dikatakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai tapak warisan budaya dan merupakan salah satu aset penting bagi tarikan pelancongan dan menaikkan imej serta ekonomi negara. Menurut Siti Nurain Marzuki et al. (2021), bahawa warisan budaya adalah salah satu sumber yang tidak boleh dipalsukan serta pelancongan warisan juga boleh definisikan sebagai pelancongan berasaskan peninggalan nenek moyang yang dijadikan produk utama untuk menarik minat pelancong supaya hadir menikmati dan mengambil pengalaman sendiri sebagai contoh, elemen warisan budaya itu sendiri yang mana tidak boleh ditukar ganti. Seterusnya, tapak warisan budaya juga boleh menjadi ekonomi utama negara sepertimana yang berlaku di Mesir. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka berusaha membangunkan warisan untuk menarik lebih ramai pelancong. Hal ini menyebabkan, ianya bukan sahaja meningkatkan ekonomi negara malah pada masa yang sama meningkatkan peluang pekerjaan (Mohd Samsudin & Sulong Mohamad, 2013).

Di samping itu, warisan yang ditinggalkan membolehkan pengunjung mempunyai sifat ingin tahu dan berkunjung ke lokasi untuk menikmati pengalaman sendiri khususnya dari luar negara sebagai contoh mereka akan tertarik dengan keunikan tapak bangunan yang mempunyai sejarah dan kebudayaannya yang tersendiri (Siti Norlizaiha

Harun, 2019). Menurut Pirasanah Sasidharan dan Rahimah Wahid (2021), pelancongan bersejarah memberi erti melancong disebabkan timbulnya sifat ingin tahu membuak- buak terhadap sejarah yang mana tujuan utama pelancong. Hal ini dikatakan demikian kerana, tapak warisan adalah sesuatu yang unik yang tidak boleh dipalsukan identitinya justeru itu, sesiapa yang meminati sejarah warisan, mereka akan berusaha untuk melihat dan mendalami serta mengambil peluang untuk merasai pengalaman sendiri.

Seterusnya, pelancongan berkaitan warisan juga dapat membantu masyarakat meningkatkan sumber ekonomi yang mana pelancongan mampu meningkatkan pendapatan (Tengku Atikah Engku Fauzi & Norizan Abdul Ghani, 2021). Dalam pada masa yang sama, pelancongan berkaitan warisan menjadi satu sumber yang dapat mempromosikan keunikan sesebuah masyarakat atau negara seperti ukiran yang mana dapat mempersembahkan kepada pelancong keunikan yang diperolehinya dan pada masa yang sama dapat memelihara tapak warisan tersebut untuk dipersembahkan kepada pelancong yang lain. Namun terdapat cabaran dalam memperkasakan pelancongan yang melibatkan tapak warisan seperti berlaku kerosakan dan kesesakan lalu lintas (Mohd Samsudin & Sulong Mohamad, 2013).

Menerusi Bernama (22 Jul 2023), Pasar Payang membuat pembaharuan untuk menarik pelancong di sekitar Pasar Payang dan Kampung Cina. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui laman *website* ini Menteri Besar Datuk Seri Dr, Ahmad Samsuri menyatakan

bahawa dua produk pelancongan baharu akan diadakan iaitu Payang Walk dan Beca Warisan. Dengan adanya dua produk ini ianya mampu menjadi daya tarkan di Terengganu dan pada masa yang sama dapat meningkatkan sektor pelancongan.

Menurut Hafiz Ithnin (11 Apr 2019), menerusi ‘Harian Metro’ yang bertajuk ‘Warisan Kampung Cina’ menyatakan bahawa Kampung Cina dipercayai merupakan lokasi persinggahan bagi pelayar China pada zaman dahulu dan kini dikenali sebagai Kampung Cina yang masih kekal sehingga sekarang justeru itu, untuk menjaga kelestarian tapak warisan ini terdapat beberapa lorong telah dijadikan lokasi yang menarik untuk menarik pengunjung melihat sendiri sejarah yang tinggal disitu terutamanya rumah kedai lama.

Menurut Hafiz Ithnin (27 Jan 2021) menerusi Harian Metro yang bertajuk ‘Teroka Gunung, Gua dalam Negara’ antara lokasi ekopelancongan yang terdapat di Terengganu adalah seperti Gua Bewah, berlokasi di Tasik Kenyir yang mana gua ini merupakan tapak arkeologi. Hal ini dikatkan demikian kerana, pada sekitar tahun 1970-an ahli arkeologi telah menjumpai rangka manusia prasejarahh dan beberapa artifak ketika zaman batu seperti kapak dan periuk. Pengunjung yang hadir terpaksa menaiki bot dari Jeti Pengkalan Gawi.

Menerusi Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia (n.d.) menyatakan bahawa Bukit Puteri meninggalkan perbagai kesan sejarah yang masih utuh ditinggalkan yang mana melibatkan Kesultanan Melayu Terengganu pada ketika dahulu. Antara koleksi yang masih

kukuh dan diperlihatkan adalah seperti genta, meriam, kubu pertahanan, tempat penyimpanan peluru dan rumah api. Kini Bukit Puteri masih berdiri kukuh bersebelahan dengan Istana Maziah yang mana dimanfaatkan sebagai salah satu sumber dalam sektor pelancongan yang mana dijaga dibawah pihak Muzium Negeri Terengganu.

Menurut Mohd Izham Mohd A Wahid (24 Feb 2022), yang bertajuk 'Pulau Bidong: Integrasi antara pelancongan, warisan dan penerokaan ilmu' menyatakan bahawa Pulau Bidong atau dikenali sebagai Pulau Vietnam. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada ketika dahulu Pulau Bidong dijadikan sebagai pusat penempatan pelarian Vietnam yang hadir ke Terengganu pada tahun 1976-1991. Pulau Bidong mempunyai keunikannya yang tersendiri justeru itu Kerajaan Negeri berusaha untuk menjadikan Pulau Bidong sebagai destinasi pelancongan berasaskan warisan. Usaha ini juga mengambil perhatian daripada pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk mempromosikan Pulau Bidong sebagai destinasi pelancongan.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan pendekatan kajian yang digunakan sepanjang kajian ini dilakukan. Seterusnya, bab ini juga membincangkan berkaitan dengan kaedah kajian yang mana pengkaji akan menggunakan dua kaedah. Penggunaan dua kaedah ini adalah untuk memudahkan pengkaji dalam mendapatkan data. Selain itu, teknik pengumpulan data dan persampelan data juga akan dibincangkan di dalam bab ini. Di samping itu, pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan uga akan dibincangkan di dalam bab ini adalah instrumen kajian yang akan digunakan oleh pengkaji sepanjang kajian dijalankan. Akhir sekali, di dalam bab tiga ini pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan teori yang akan digunakan oleh pengkaji serta cara pengkaji analisis data dengan menggunakan kaedah tematik.

3.2 Pendekatan Kajian

Bagi menjalankan kajian berkaitan 'Isu dan masalah pengurusan pemeliharaan tapaj warisan budaya di Terengganu: kajian kes terhadap tapak Bukit Puteri , Kuala Terengganu', pengkaji akan menggunakan pendekatan kualitatif (kajian kes) dan kuantitatif iaitu yang mana merupakan kaedah campuran. Pemilihan pendekatan ini adalah disebabkan untuk memudahkan pengkaji memperolehi maklumat dan data-data yang lebih banyak dan terperinci yang mana menjadi persoalan di dalam kajian ini. Selain itu, dapat membantu pengkaji dalam menjalankan tugasnya dengan baik. Pendekatan yang digunakan ini bukan sahaja untuk memperolehi data-data namun ianya membantu pengkaji dalam merungkai isu dan masalah yang timbul yang menyebabkan pembukaan semula tapak Bukit Puteri mengambil masa yang panjang.


3.3 Kaedah Kajian

3.3.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan sesuatu kajian yang menghuraikan serta menganalisis sesuatu perkara. Menurut Fai (4 Dec 2022) menyatakan bahawa kaedah kualitatif ini merupakan satu penelitian yang menekankan terhadap sesuatu penyelidikan dengan lebih mendalam.

3.3.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif adalah merupakan kajian yang mana hasil dapatan berbentuk data dan angka (Iwan Hermawan, 2019). Selain itu, penggunaan kaedah ini, pengkaji perlu menetapkan persoalan atau apa yang mahu diselidik terlebih dahulu dan pada masa yang sama data-data yang akan diperolehi adalah berbentuk nombor mengikut urutan.



Rajah 3.1: Kerangka Kajian

3.4 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini akan menggunakan dua teknik iaitu terdiri daripada data primer dan sekunder.

3.4.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang diperoleh secara langsung daripada responden secara rasmi ataupun tidak. Selain itu, data yang diperoleh juga melalui sumber pertama. Melalui penyelidikan ini, ianya mampu menjawab persoalan yang terdapat dalam kajian ini. Data yang diperolehi melalui data primer adalah seperti kaedah temubual, pemerhatian dan soal selidik.

3.4.1.a Temu bual

Pengkaji memilih kaedah temubual untuk memastikan pengkaji memperolehi maklumat yang lebih terperinci dan tepat berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji akan melakukan temu bual bersama informan yang terlibat atau berkaitan dengan kajian. Selain itu, pengkaji juga akan menemu bual secara langsung bersama informan untuk memudahkan pengkaji memperoleh info yang berkaitan. Pengkaji juga akan memastikan, soalan akan dibuat terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dijalankan agar soalan yang diberi menepati ciri-ciri yang dikehendaki yang mana merupakan soalan berstruktur.

3.4.1.b Soal Selidik

Pengutipan data melalui kaedah ini akan digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh data melalui responden. Selain itu juga, kaedah ini akan digunakan pada objektif yang kedua dan ketiga yang mana untuk memperoleh maklumat. Seterusnya, dengan adanya kaedah ini, ianya dapat memudahkan pengkaji mengumpul maklumat data yang diinginkan oleh pengkaji.

3.4.2 Data Sekunder

Data sekunder adalah merupakan pemerolehan maklumat secara tidak langsung, Hal ini dikatakan demikian kerana, data yang akan diperolehi oleh pengkaji melalui data sekunder adalah melalui sumber yang kedua iaitu melalui media. Data-data ini juga akan diambil sekiranya maklumat yang diperolehinya berkait rapat dengan kajian yang akan dijalankan. Data-data ini akan diperolehi melalui kajian lepas seperti jurnal dan laman-laman sesawang. Selain itu juga, data ini akan dijadikan sebagai maklumat tambahan di dalam kajian.

3.4.2.a Jurnal

Pengkaji akan menyiapkan kajian dan menambah maklumat berkaitan dengan cadangan pemeliharaan tapak warisan melalui kajian lepas atau info-info seangkatan dengannya. Selain itu, dengan adanya sumber rujukan ini, akan memudahkan pengkaji melakukan penulisan dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada pengkaji.

3.4.2.b Sumber Internet

Pengkaji juga akan menggunakan sumber internet. Hal ini dikatakan demikian kerana, maklumat akan mudah diperolehi dan memperoleh pelbagai maklumat dengan lebih mudah dan cepat melalui blog-blog dan portal-portal rasmi mahupun tidak yang terdapat di *Google*.

3.4.2.c Perpustakaan

Kaedah kepustakaan ini memberi perhatian terhadap penelitian dan penyelidikan yang dilakukan dari sumber perpustakaan. Seterusnya, di dalam kaedah ini pengkaji menjalankan pembacaan di perpustakaan untuk mendapat sumber-sumber yang menjawab kepada persoalan dan objektif kajian. Kaedah ini juga digunakan untuk melakukan penelitian melalui bahan serta dokumen yang berkaitan dengan kajian.

3.5 **Persampelan Data**

Persampelan data merupakan salah satu proses yang akan digunakan untuk memilih subjek sebagai informan di dalam sesebuah kajian. Di dalam pensampelan ini, pengkaji akan menggunakan teknik SnowBall dalam kaedah kualitatif yang mana memudahkan penggunaan mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan mendapat info yang pelbagai. Selain itu, dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat menambah cadangan mahupun membuat penambahbaikan data yang diperolehi. Hal ini dikatakan demikian kerana,

responden mahupun informan akan mencadangkan pihak lain yang lebih arif untuk menjawab persoalan yang diajukan. Hal ini menyebabkan, pengkaji akan mendapat pelbagai pandangan atau pendapat yang mana memudahkan pengkaji untuk membuat penilaian dari segi jawapan yang diberikan. Seterusnya, untuk kaedah kuantitatif pengkaji akan memilih informan secara rawak berbeza daripada kaedah kualitatif.

Jadual 3.1 : Jadual Kaedah Kajian Yang Digunakan Dalam Kajian

| NO. | OBJEKTIF | METODOLOGI |
|-----|--|---|
| 1 | Menyelidik aspek pemeliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri. | <ul style="list-style-type: none"> • Kualitatif • Kaedah Temu Bual <ul style="list-style-type: none"> ➤ Temu bual pihak yang bertanggungjawab ke atas penjagaan Bukit Puteri. • Teknik pengumpulan data: sukender dan primer • Persampelan Data: SnowBall |

2

Mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri.

- Kuantitatif
- Kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik melalui *google form*.
- Teknik pengumpulan data: primer.
- Persampelan data kebarangkalian
- Bahagian Soalan
 - A- Maklumat responden
 - B-Pemahaman masyarakat berkaitan dengan tapak warisan budaya Bukit Puteri
 - i. Sejarah
 - ii. Kepentingan

| | | |
|---|---|--|
| 3 | <p>Mengenalpasti strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Kuantitatif dan kualitatif • Kaedah tinjauan menggunakan <i>google form</i> dan temu bual • Teknik pengumpulan data: primer • Pensampelan data: kebarangkalian • Bahagian Soalan: <p>C- Strategi yang sesuai digunakan untuk menyebarkan maklumat berkaitan tapak warisan budaya yang sedang diselenggara.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pihak Berkuasa ii. Masyarakat |
|---|---|--|


3.6 Instrumen Kajian

Instrumen ialah merupakan peralatan yang akan digunakan oleh pengkaji sepanjang kajian dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, instrumen adalah peralatan untuk mengumpul data-data yang hendak dikumpul melalui bentuk primer mahupun sekunder. Instrumen yang diperlukan ketika sesi mengumpul data dalam bentuk primer dijalankan bagi kaedah temubual adalah seperti pen dan buku nota untuk memudahkan pengkaji mencatat maklumat yang diperolehi serta mengajukan soalan berkaitan dengan kajian serta telefon untuk merakam suara dan video informan supaya info-info yang diberi tidak terlepas, instrumen ini juga akan digunakan di dalam kaedah pemerhatian

dilakukan. Bagi kaedah soal selidik pula, *google form* akan disediakan mengikut apa yang ditetapkan oleh pengkaji yang menggunakan aplikasi SPSS untuk memudahkan pengkaji membuat pengiraan untuk mendapatkan data responden untuk dianalisis. Seterusnya, bagi sesi mengumpul data dalam bentuk sekunder pula, pengkaji hanya mencari maklumat melalui internet dan kajian sorotan.

3.7 Teori Kajian

Teori yang dipakai dalam penulisan ini adalah teori birokrasi yang dikeluarkan oleh Max Weber. Teori Birokrasi merupakan konsep dalam bidang sains politik dan sosiologi yang mana merujuk kepada prosedur dalam penguatkuasaan undang-undang dan pentadbiran di dalam sebuah organisasi (Teori Birokrasi Max Weber, 2012). Menurut Max Weber, teori birokrasi perlu dijalankan di dalam sistem yang berhierarki dan mementingkan komunikasi diantara pekerja. Seterusnya, pengkaji memilih teori ini untuk diguna pakai adalah disebabkan ianya mampu memberi kesedaran dan menyebabkan seseorang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diberikan dan ianya selari dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu 'Pengurusan Pemeliharaan Tapak Warisan Budaya Di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Tapak Bukit Puteri, Kuala Terengganu' Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap aset pelancongan perlu dipelihara dan ianya bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata untuk memastikan tapak warisan tersebut dipelihara malah ianya tanggungjawab bersama dalam menjaga dan melestarikan warisan agar keunikan, nilai dan sejarahnya dapat dikembangkan melalui pelancongan.




UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Rajah 3.2
Kerangka Teori Birokrasi Max Weber

3.8 Analisis Data

Analisis data merupakan teknik ataupun cara untuk menghurai kembali atau menyelesaikan masalah data yang berasal daripada hasil kajian yang berbentuk urutan yang betul. Bagi data-data yang diperolehi melalui kaedah kuantitatif, analisis data akan dibuat secara deskriptif statistik pada permulaannya yang mana berbentuk angka ataupun grafik dan akan dipindahkan kepada analisis tematik data yang dihasilkan oleh Braun dan Clarke (2006) yang mana akan digunakan ke atas data yang diperolehi secara kualitatif. Analisis tematik merupakan suatu strategik yang diambil oleh pengkaji dalam menganalisis data kualitatif yang mana memerlukan kefahaman dan penelitian bagi setiap peringkat untuk mencapai sesuatu objektif justeru itu, di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan proses-proses pengkodan yang dihasilkan oleh Braun dan Clauke (2006). Terdapat beberapa proses untuk membina tema dan memecahkan kepada beberapa tema yang lebih tepat melalui kod-kod yang telah dibuat oleh pengkaji. Seterusnya, di dalam kajian ini pengkaji memperolehi lima orang informan untuk ditemu bual yang terdiri daripada pegawai di Muzium Kuala Terengganu yang bertanggungjawab dalam menjaga tapak Bukit Puteri di Kuala Terengganu. Data temu bual yang diperolehi oleh pengkaji akan diproses melalui kaedah transkrip untuk dianalisis melalui kaedah tematik (Rajah 3.3)



Rajah 3.3

Proses Analisis Data Braun dan Clarke

Sumber: Hanna C. Persson, 2017

Rajah 3.3 menunjukkan proses untuk menganalisis data yang diperolehi. Proses yang pertama adalah dengan biasakan diri dengan data-data yang diperolehi dengan mengenal pasti data-data dan membaca semula transkrip supaya tiada kesilapan yang berlaku yang mana pemindahan data-data melalui hasil merekod rakaman, audio dan hasil catatan ketika penyelidikan dilakukan.

Hal ini dilakukan untuk memastikan hasil rakaman dan catatan dapat menjawab persoalan dengan baik. Selain itu, dengan proses ini, ianya akan memudahkan pengkaji untuk membuat penyelidikan serta semakan semula hasil penyelidikan bersama responden atau informan.

Selain itu, menjana kod juga akan dilakukan untuk memudahkan penyusunan data dilakukan. Kod akan dibuat mengikut persoalan dan data yang diperolehi mengikut tema masing-masing. Penyusunan dan penjanaan kod ini dapat dilakukan di *Microsoft Excel* secara berasingan. Di samping itu, setiap hasil kajian akan diletakkan di dalam kod tema yang telah dibuat agar penyusunan lebih sistematik dan memudahkan pengkaji. Hal ini menyebabkan,

daripada penyusunan ini, pengkaji dapat melihat perbezaan tema dan kesahihan maklumat tepat atau tidak.

Seterusnya, setiap hasil kajian yang akan diletakkan ke dalam tema masing- masing, semakan perlu dilakukan untuk memastikan maklumat yang diperoleh adalah betul. Hal ini dikatakan demikian kerana, maklumat yang betul amat penting untuk menjayakan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji tersusun dan pada masa yang sama dapat memberi manfaat kepada pengkaji.

Akhir sekali, penulisan akan dilakukan mengikut penyusunan yang telah dibuat dan penulisan ini juga termasuk hasil kajian yang telah dibuat melalui kaedah kuantitatif yang mana sumber-sumber ini berkait rapat di antara satu sama lain yang mana dapat memastikan kajian yang dilakukan bersesuaian serta kesahihan kajian yang akan dilakukan.

3.9 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah menerangkan sedikit sebanyak berkaitan dengan metodologi kajian yang mana merupakan keutamaan dalam kajian yang akan dilakukan. Selain itu, bab ini dapat membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian dengan hasil-hasil dapatan sepanjang proses metodologi dijalankan justeru itu, teknik pengumpulan data yang terdapat dalam bab ini perlu difahami dengan jelas agar tidak berlaku kekeliruan serta dapat menyusun maklumat dengan lebih jelas dan tersusun.

BAB 4


ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis kajian yang telah dibuat berdasarkan hasil temu bual dan borang soal selidik. Seterusnya, bab ini juga membincangkan berkaitan aspek-aspek pemeliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri yang mana pada bahagian ini pengkaji telah membahagikan kepada tiga bahagian iaitu tujuan penyelenggaraan atau pemuliharaan dilakukan ke atas tapak Bukit Puteri, cabaran yang dihadapi dalam memulihara dan memelihara tapak Bukit Puteri dan prosedur dalam pengurusan pemuliharaan tapak Bukit Puteri. Akhir sekali, bab ini akan membincangkan berkaitan dengan tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri serta mengenalpasti strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara.

4.2 Aspek pemeliharaan dan pemuliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri

Pada rajah 4.1 menunjukkan fasa dalam menganalisis data temu bual yang diperolehi daripada beberapa orang pegawai Muzium Negeri Terengganu yang bertanggungjawab dalam menjaga tapak Bukit Puteri iaitu terdiri daripada Ketua bahagian sejarah sektor penyelidikan dan dokumentasi (Penolong pengarah), Ketua Bahagian Muzium Daerah (Penolong Kurator), Ketua Bahagian monumen dan tapak bersejarah sektor konservasi dan Ketua bahagian teknikal bangunan sektor khidmat pengurusan seperti diterangkan pada jadual 4.1. Analisis temu bual dilakukan adalah untuk menjawab persoalan pada objektif pertama iaitu mengkaji aspek-aspek pemeliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit Puteri. Hasil temu bual yang dijalankan dialihkan kepada transkrip dan dibahagikan mengikut tema-tema menerusi analisis tematik. Terdapat beberapa tema yang telah dibangunkan hasil daripada pembacaan dan pengasingan yang telah dibuat daripada 12 soalan yang telah ditanskrip. Rangka analisis ini bermula daripada bawah ke atas yang mana pada peringkat pertama, pengkaji telah membangunkan lima tema diperolehi daripada data-data yang telah ditranskrip yang kemudiannya dikatogerikan lagi kepada tiga tema pada peringkat ke-2. Proses pengasingan di antara tema-tema dari peringkat pertama sehingga ke-2 untuk melihat data yang lebih spesifik dan teratur. Dengan demikian, tema-tema dianalisis dan dihuraikan dengan melihat perkaitan diantara tema peringkat pertama dan kedua (Rajah 4.1).



Rajah 4.1 Kerangka Tematik

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 4.1 : Senarai Informan Kajian

| Bil. | Kod dan Huraian | Jawatan |
|------|-----------------|--------------------------|
| 1 | Informan 1 (I1) | Penolong Pengarah Muzium |
| 2 | Informan 2 (I2) | Penolong Kurator |
| 3 | Informan 3 (I3) | Ketua sektor konservasi |

4.2.1 Tujuan penyelenggaraan atau pemuliharaan dilakukan ke atas tapak Bukit Puteri.

Setiap negara mempunyai warisannya yang tersendiri yang mana merupakan peninggalan yang sangat berharga untuk generasi kini dan akan datang. Warisan budaya termasuklah tapak-tapak warisan, adat resam, monumen dan artifak-artifak yang ditemui (Harun et al., 2005). Pada masa kini, warisan adalah salah satu harta yang sangat bernilai untuk tatapan anak cucu yang perlu dikekalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan pulihara tapak warisan ini, generasi akan datang dapat melihat sendiri bagaimana warisan yang telah ditinggalkan kepada mereka. Hal ini menyebabkan, ianya dapat dimanfaatkan daripada pelbagai segi termasuklah pendidikan, ekonomi dan masyarakat. Perkara ini disokong oleh informan pertama yang menyatakan:

“Tujuan asal adalah untuk memelihara khazanah yang ada di Terengganu dan pada masa yang sama untuk dijadikan tarikan pelancong untuk datang ke Kuala Terengganu supaya dapat melihat sendiri tapak warisan yang masih kekal di sini. dan untuk dijadikan sebagai tempat penyelidikan untuk generasi akan datang. Di samping itu juga, untuk mengekalkan tapak ini

sebagai icon yang sangat bernilai bagi negeri Terengganu dan kekal sampailah generasi akan datang.”

(I1, Penolong Pengarah Muzium)

Informan 1 menyatakan bahawa tujuan penyelenggaraan terhadap tapak Bukit Puteri ini adalah disebabkan untuk menjaga khazanah yang masih utuh di Negeri Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan pemuliharaan yang dilakukan ini ianya dapat menarik pelancong untuk hadir ke tempat bersejarah terutamanya kepada mereka yang meminati warisan. Menurut Mohamad Zaki Ahmad et al., (2014) menyatakan di dalam kajiannya pemuliharaan tempat bersejarah, bangunan dan bahan artifak adalah merupakan salah satu langkah untuk terus memelihara warisan negara dan pada masa yang sama dapat menambah bilangan pelancong. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan hasil analisis temu bual daripada informan

2 yang menyatakan bahawa:

“Tujuan pemuliharaan ni dibuat adalah untuk kekalkan tapak ini sebagai tempat bersejarah disebabkan tapak ini meninggalkan pelbagai sejarah daripada kesultanan zaman dahulu lagi. Seterusnya, dengan pemuliharaan ini adalah untuk menghargai balik warisan tinggalan nenek-moyang kita dan dengan memelihara dan memulihara balik tapak ini ianya dapat tarik pelancong lebih ramai ke Terengganu dan ianya boleh dijadikan salah satu tempat yang boleh dilawati oleh pelancong.”

(I2, Penolong Kurator)

Kenyataan daripada informan 2 menghuraikan berkenaan tapak sejarah perlulah dipelihara supaya dapat mengekalkan warisan nenek moyang kita untuk generasi akan datang. Hal ini dikatakan demikian

kerana, Terengganu adalah merupakan salah satu negeri yang terkenal dengan pelancongan dan mempunyai pelbagai tapak bersejarah yang mana menjadi tarikan pelancongan seperti tapak Bukit Puteri pada ketika dahulu. Tapak Bukit Puteri mempunyai pelbagai sejarah yang mana merupakan tapak pertahanan yang digunakan oleh kesultanan Terengganu pada ketika dahulu. Menurut sumber sekunder Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin (2019) menyatakan bahawa tapak Bukit Puteri merupakan tapak warisan kebudayaan semulajadi di Negeri Terengganu yang mana merupakan kubu pertahanan yang terkenal pada abad ke-18 dan ke-19 M justeru itu, tapak ini perlulah dijaga untuk memastikan nilai warisan di Terengganu tidak sirna.

4.2.2 Cabaran yang dihadapi dalam memulihara dan memelihara tapak Bukit Puteri.

Cabaran dalam melestarikan dan membangunkan tapak warisan adalah perkara yang perlu ditangani untuk memastikan tapak warisan dapat dipelihara untuk tatapan generasi akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan ini ianya dapat dijadikan sumber pendidikan, rujukan dan ekonomi untuk generasi akan datang. Di samping itu, generasi akan datang dapat melihat sendiri warisan yang telah ditinggalkan untuk tatapan akan datang.

4.2.2.a Pembangunan Infrastruktur

Antara cabaran yang perlu ditangani oleh pihak muzium negeri Terengganu adalah disebabkan oleh pembangunan yang terdapat disekitar tapak serta penutupan laluan untuk naik keatas tapak Bukit Puteri telah dihapuskan disebabkan oleh pihak kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sebuah bazar yang dikenali sebagai Bazar Warisan. Pembinaan ini adalah untuk menarik lebih ramai pelancong untuk hadir dan pada masa yang sama, pihak kerajaan telah membina sebuah exculator di dalam bazar yang mana untuk dijadikan laluan untuk naik ke atas Tapak Bukit Puteri. Namun, disebabkan oleh bazar tersebut kurang mendapat perhatian orang ramai dan tidak dapat sokongan daripada peniaga-peniaga di sekitar tersebut menyebabkan bazar warisan terbengkalai dalam masa. Kenyataan ini disokong oleh informan 1 yang mana menyatakan bahawa:

“Sebelum ni ada pintu masuk asal dan ditutup tapak laluan asal tu dan tubuhkan laluan baru melalui bazar warisan, buat exculator dan sebagainya. Tujuan dia nak Tarik orang awam atau pengunjung membeli- belah di sekitar tersebut dan pada masa yang sama boleh berkunjung ke Bukit Puteri tapi akibat kekangan ekonomi dan sebagainya macam pkp dan akhirnya bazar tu tak dapat sambutan menyebabkan mendatangkan masalah kepada pihak pengurusan terutamanya dari aspek exculator dan sebagainya. Dan akhirnya terpaksa ditutup dan bazar tu pon terpaksa ditutup (diluar bidang kuasa muzium) dan menyebabkan tiada laluan untuk ke Bukit Puteri. Pihak muzium terpaksa membuat perancangan dan pembelanjaan baru sehingga mendapat bajet.”

11, Penolong Pengarah Muzium)

Kenyataan yang dikeluarkan oleh informan 1 adalah berkaitan dengan pembangunan Bazar Warisan yang mana untuk meerupakan langkah yang diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk meningkatkan sektor pelancongan. Keputusan ini diambil untuk memastikan pelancong dapat membeli dan pada masa yang sama dapat melihat tapak warisan budaya tersebut (Tapak Bukit Puteri). Hal ini dikatakan demikian kerana, bazar yang dibangunkan ini berada di sekitar tapak Bukit Puteri justeru itu, dengan inisiatif yang dilakukan ini diharapkan pelancong dapat mengenali tapak warisan tersebut namun, bazar tersebut tidak mendapat sambutan yang baik terutamanya kepada peniaga-peniaga kecil di sekitar tapak warisan terutamanya peniaga-peniaga dari Pasar Payang, Kuala Terengganu disebabkan kekurangan pelancong. Kenyataan ini disokong oleh informan 2 iaitu menyatakan bahawa:

“Sebenarnya dia ada bangunan err bazar warisan tu depan pasar payang tu untuk jadikan laluan utama nok masuk ke Bukit Puteri tu tiada.”

(12, Penolong Kurator)

Informan 2 menyatakan, pembangunan yang ditubuhkan pihak kerajaan negeri di sekitar tapak yang mana tidak mendapat sambutan daripada orang ramai serta peniaga kecil telah menyebabkan bangunan tersebut terbengkalai menyebabkan laluan untuk naik ke atas tapak

ditutup selaku dengan penutupan bazar tersebut. Kenyataan ini dipersetujui oleh informan 3 yang mana Bazar warisan ini adalah salah satu cabaran dalam pembukaan semula tapak warisan pada hari ini:

“Pada asalnya, Bukit Puteri ni ada tangga untuk naik ke atas bukit puteri, tapi ada Pembangunan baru yang dikenali sebagai Bazar Warisan. Mungkin masa tu Kerajaan fikir nak buat exculator..tapi memang ada pun. Jadi sesiapa yang nak naik ke atas bukit puteri perlu melalui bazar warisan dulu dengan menaiki exculator yang dibangunkan oleh pihak negeri. Disebabkan pembangunan ini, tangga asal yang terdapat pada Bukit Puteri dihapuskan..tapi bazar yang ditubuhkan tu tak berfungsi , jadi jika bazar tu x berfungsi serta x dapat sambutan daripada orang ramai menyebabkan kawasan tu terbengkalai menyebabkan,, exculator yang digunakan untuk naik ke atas bukit puteri tu juga tidak berfungsi dengna baik. jadi jika bazar warisan tu tutup secara automatik laluan nak naik ke bukit puteri tupun secara automtik tidak ada disebabkan tangga asal bukit puteri ni telah dihapuskan.”

(I3, Ketua Sektor Konservasi)

Informan 3 menyatakan bahawa, Bazar Warisan adalah salah satu daya tarikan pelancong yang telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri yang mana beranggapan ianya menjadi satu tempat pelancongan yang dikenali dengan pembangunan bazar tersebut serta exculator yang dibangunkan untuk naik ke atas tapak Bukit Puteri. Namun, disebabkan daya tarikan yang kurang menyebabkan bazar tersebut tidak mendapat sambutan. Bazar tersebut mengikut perancangan akan dipenuhi oleh peniaga-peniaga kecil terutamanya dari Pasar Payang yang mana juga merupakan tempat yang terkenal bagi pelancong-pelancong untuk membeli-belah.

4.2.2.b Kekurangan Dana

Setiap pemuliharaan dan pemeliharaan serta pembangunan mempunyai cabarannya yang tersendiri yang mana membawa permasalahan ketika pemuliharaan dilakukan menyebabkan tapak warisan Bukit Puteri ini mengambil masa yang lama untuk dibuka semula kepada pelancong atau orang awam. Menurut sumber sekunder Farhana Abdullah et al., (2016) terdapat beberapa cabaran sekiranya ingin membangunkan tapak warisan iaitu dari segi kos dan keadaan fizikal tapak itu sendiri. Kenyataan ini disokong oleh informan 1 yang mana menyatakan bahawa:

“Pada asalnya pembangunan ni dibuat, pihak muzium dapat dana daripada Unit Pembangunan Negeri Terengganu (UPAN). Jumlah yang kita terima untuk memelihara dan buat pembangunan semula dekat tapak ni saya tidak pasti sebab dah lama dalam sekitar 1989 dan mula dibuka pada 1 Januari 1991 kepada orang awam. Pembangunan yang kedua kita buat pada tahun 2018 yang mana masih mendapatkan dana daripada Unit Pembangunan Negeri Terengganu (UPAN) sebanyak Rm250,0000. Tapi dengan jumlah yang dapat tu hanya dapat menanggung kos untuk pembangunan dari segi tangga, kaunter tiket dan tandas sahaja.”

(I1, Penolong pengarah muzium)

Kenyataan daripada informan 1 adalah pihak muzium melakukan pembangunan semula ke atas tapak selepas mendapatkan dana untuk membangunkan semula tangga untuk

naik ke atas tapak Bukit Puteri selepas berlakunya permasalahan kepada laluan utama untuk naik ke atas tapak tidak berfungsi dengan baik. Namun, dana yang diperolehi tidak mencukupi untuk melakukan pemuliharaan kesemua kawasan termasuklah lanskap di kawasan tapak Bukit Puteri. Dana yang diperolehi adalah untuk melakukan pembangunan semula pada Tapak Bukit Puteri termasuklah tangga untuk menubuhkan semula tangga untuk naik ke atas Bukit Puteri disebabkan infrastruktur yang dibina sebelum ini (*excultor*) di dalam Bazar Warisan tidak berfungsi dengan baik. Dana yang diperolehi ini disokong oleh informan 2 yang mana menyatakan bahawa:

“Peruntukan yang kita dapat daripada Unit Pembangunan Kerajaan Negeri (UPAN) sebanyak RM250.0000 tidak mencukupi untuk menampung kesemua pembangunan yang ada. Dana yang ada ni hanya cukup untuk buat pembangunan terhadap tangga, tandas dan kaunter tiket sahaja.”

(I2, Penolong Kurator)

Kenyataan yang dikeluarkan oleh informan 2 menyokong apa yang dinyatakan oleh informan 1 yang mana, pembangunan yang dilakukan ke atas Bukit Puteri ini merupakan salah satu faktor dan cabaran dalam pembukaan semula tapak Bukit Puteri yang mana tempoh yang diambil oleh pihak muzium dalam pembukaan ini mengambil masa yang panjang yang mana telah melebihi tempoh sebenar jangkaan operasi pembangunan

dilakukan. Hal ini menyebabkan, tapak Bukit Puteri ini ditutup sehingga menjejaskan sektor pelancongan di kawasan tersebut. Kemudahan disetiap tempat pelancongan amatlah dipertingkatkan supaya dapat memudahkan dan memberi keselesaan serta kefahaman yang baik kepada pelancong. Menurut Siti Norlizaiha Harun et al., (2005) menyatakan bahawa setiap tempat pelancongan perlulah memenuhi kehendak pelancong seperti dari segi kemudahan (tandas, tangga dan informasi) supaya dapat memberi pengalaman dan penghayatan yang berkualiti kepada pelancong.

4.2.2.c Hak Milik Terbatas

Selain itu, cabaran lain dalam melestarikan tapak ini adalah disebabkan terdapatnya pembangunan yang terbengkalai di sekitar tapak Bukit Puteri. Hal ini menyebabkan, tapak Bukit Puteri terjejas dari segi keselamatan, permandangan serta keselamatan orang awam. Menurut sumber sekunder Siti Nor Fatimah Zuraidi et al., (2011) pembangunan warisan adalah merupakan satu sejarah yang sangat bernilai yang patut dikekalkan dan terdapatnya prinsip-prinsip yang perlu dipraktikkan seperti penyelenggaraan, pembangunan semula dan pemuliharaan untuk dijadikan rujukan generasi akan datang. Di samping itu, pembangunan semula perlulah dilakukan supaya dapat menarik lebih ramai pelancong untuk hadir dan melihat

sendiri kelestarian tapak warisan Bukit Puteri. Namun, disebabkan pembangunan di lereng bukit bukan hak milik muzium menyebabkan pihak muzium menghadapi permasalahan yang mana mereka perlu mendapatkan keizinan daripada tuan tanah iaitu PBT atau pihak kerajaan negeri untuk mengatasinya. Hal ini disokong oleh informan 1 yang mana menyatakan bahawa:

“Pembangunan mengikut perancangan Bukit Puteri boleh dibuka pada 1 Januari 2023 namun disebabkan terdapat bahagian tanah di lereng bukit berdekatan dengan tapak Bukit Puteri (hak milik majlis perbandaran K.Terengganu) masih belum dipulihara. Jadi kalau buka pon permandangan tak akan cantik dan kemungkinan kawasan tu tempat pembiakan nyamuk, keselamatan orang awam terjejas jadi kita ambik inisiatif untuk tutup sementara bahagian penyelenggara bangunan tu sehingga pembangunan di lereng bukit dapat dilaksanakan dengan baik lah. Pihak muzium ada usaha untuk bekerjasama dengan PBT untuk menyelesaikan masalah pembangunan di lereng bukit tapi disebabkan bajet yang besar menyebabkan terpaksa ditangguhkan”.

(I1, Penolong Pengarah Muzium)

Menurut informan 1 menyatakan bahawa, penangguhan pembukaan tapak Bukit Puteri kepada pelancong atau orang awam adalah disebabkan terdapatnya pembangunan yang tidak diselenggara di bahagian tepi tapak Bukit Puteri yang mana bukan hak milik muzium justeru itu, pihak muzium mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan pihak PBT yang mana

merupakan tuan tanah yang terdapat di bahagian lereng Bukit Puteri. Namun disebabkan pembangunan semula memerlukan bajet yang besar dan tidak mendapat kelulusan daripada pihak atasan menyebabkan pembangunan semula tersebut perlu ditangguhkan terlebih dahulu. Kenyataan ini disokong oleh informan 2 yang mana menyatakan bahawa:

“Kite perlu tunggu pembaikan di lereng bukit dahulu. Pembaikan tu kita masih dalam permohonan dengan PBT dan dia minta secepat yang mungkin lah anggaran kos kite dah dapat tapi x dapat kelulusan lagi. Mungkin dalam masa terdekat akan dapat. Tapi dari segi tu kite perlu pihak berkenann atau pemilik kawasan..lereng bukit tu milik Kerajaan atau PBT.”

(I2, Penolong Kurator)

Kenyataan yang dikeluarkan oleh informan 2 adalah berkaitan dengan pembangunan di lereng bukit sepertimana yang diperkatakan oleh informan 1 yang mana pembangunan tersebut merupakan salah satu cabaran kepada pihak muzium untuk membuka semula tapak Bukit Puteri kepada orang ramai.

Kenyataan ini juga telah disokong oleh informan 3 yang telah menyatakan bahawa:

“Faktor pembukaan tapak Bukit Puteri tergendala adalah disebabkan sebahagian perkara yang masih tak siap disebabkan kekangan wang dan terdapatnya pembangunan di sebelah tapak bukit puteri yang belum dipulihara. pembangunan tu bukan dibawah bidang

kuasa muzium tapi dibawah PBT. Disebabkan pembangunan tu tergendala menyebabkan air bertakung di sekitar tapak tersebut. Oleh itu kelestarian tapak terjejas.”

(I3, Ketua Sektor Konservasi)

Informan 3 juga menyokong apa yang telah diberitahu oleh informan 1 dan 2 yang mana berkaitan dengan pembangunan terbengkalai di lereng bukit tersebut telah mengganggu proses pembukaan semula tapak Bukit Puteri pada bulan Januari 2023 namun, disebabkan permasalahan tersebut belum diselesaikan menyebabkan pembukaan perlu ditangguhkan. Hal ini menyebabkan, pembukaan semula tapak Bukit Puteri kepada orang awam atau pelancongan terjejas.

4.2.3 Prosedur dalam pengurusan pemuliharaan tapak Bukit Puteri

Setiap pengurusan mempunyai prosedur yang perlu dititik beratkan supaya setiap pekerjaan yang dilakukan berjalan dengan lancar tanpa timbulnya permasalahan. Di dalam pemuliharaan tapak terdapat beberapa prosedur yang perlu diterapkan yang mana perlu dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam merancang sesuatu perkara iaitu dari segi mendapatkan dana dan melakukan pemuliharaan terhadap koleks-koleksi yang terdapat pada tapak.

4.2.3.a Pemeliharaan tapak dan koleksi

Untuk menjalankan pemeliharaan keatas tapak ianya perlu menjalani beberapa prosedur sepertimana yang dinyatakan oleh informan 1 iaitu:

Pada awalnya kite akan lakukan pemeriksaan awal terlebih dahulu untuk mengenalpasti kerosakan yang mana kita akan lakukan untuk laporan dilapidasi. Seterusnya, kite akan nilai sejauhmanakah kerosakan yang dialami dan isu yang berbangkit. Menerusi laporan dilapidasi, kite akan dapat mengenalpasti kerosakan yang dialami dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai mengikut kerosakan

(I1, Penolong pengarah muzium)

Informan 1 menyatakan bahawa sebelum melakukan apa-apa kerja baik pulih, pihak bertanggungjawab perlu melakukan pemeriksaan awal untuk mengenalpasti kerosakan yang diperolehi supaya laporan dilapidasi dapat dilakukan dengan baik. Tujuan laporan ini adalah untuk memudahkan mencari jalan penyelesaian yang sesuai supaya kerosakan yang dialami tidak berterusan. Kenyataan ini disokong oleh A Ghaffar Ahmad (2003) bahawa kajian dilapidasi ini adalah untuk mengenalpasti tahap kecacatan atau kerosakan. Kenyataan ini juga disokong oleh Muhamad Faiz Fadzilah (2022) menyatakan bahawa kajian dilapidasi merupakan proses untuk mencatat dan mengenalpasti setiap kerosakan melalui catatan dan fotografi justeru itu, proses-proses yang dilalui oleh pihak muzium untuk memelihara koleksi

yang terdapat pada Bukit Puteri juga melalui proses ini yang mana dinyatakan oleh informan 2 bahawa:

“Pada awalnya anak buah saya akan melakukan pemantauan dan sekiranya ada kerosakan pada mana-mana bahagian sesi fotografi akan dilakukan untuk dijadikan sebagai laporan awal dan hasil yang diperolehi akan dihantar kepada unit konservasi untuk mendapatkan pengesahan secara terperinci”.

(I2, Penolong Kurator)

Informan 2 menyatakan bahawa, pemeriksaan awal dilakukan terlebih dahulu untuk mengenalpasti kerosakan yang terdapat pada mana-mana koleksi atau kubu yang terdapat pada tapak Bukit Puteri. Sekiranya pihak pemantauan mendapati terdapat kerosakan sesi fotografi akan dilakukan terlebih dahulu untuk dihantarkan kepada unit konservasi untuk mendapatkan pengesahan secara terperinci berkaitan dengan kerosakan yang berlaku. Apa yang boleh dirumuskan, kaedah fotografi sangat penting untuk melakukan kerja-kerja baik pulih sesuatu perkara.

Kenyataan ini juga disokong oleh informan 3 yang mana kaedah fotografi digunakan didalam prosedur pemeliharaan iaitu:

“Kite akan ambil gambar sebelum dan selepas kerja baik pulih dilakukan yang mana sebelum kerja ini dilakukan kite akan mengenalpasti terlebih dahulu bahagian mana yang mempunyai kerosakan sebelum sesi bergambar dilakukan. Seterusnya, setelah sesi baik pulih siap sepenuhnya, sesi bergambar diambil lagi sekali dan gambar-gambar ini akan dijadikan simpanan unit konservasi”.

(13, Ketua Sektor Konservasi)

Informan 3 menyatakan bahawa, sebelum kerja memulihara dan memelihara dilakukan, pihak bertanggungjawab perlu mengenalpasti terlebih dahulu bahagian yang mengalami kerosakan sebelum sesi fotografi dilakukan. Sesi ini adalah untuk melihat perbezaan sebelum dan selepas kerja-kerja baik pulih dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekiranya ada kerosakan berlaku selepas sesi baik pulih dilakukan, pihak bekerjasama dalam merujuk gambar yang telah diambil. kaedah fotografi diperlukan untuk melihat perbezaan sebelum dan selepas baik pulih dilakukan.

4.2.3.b Prosedur Permohonan Dana atau Kos Pemuliharaan

Kos adalah merupakan perkara yang penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, kos atau bajet sangat penting terutamanya dalam pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan serta kelestarian semula tapak warisan. Menurut Yazid Saleh (2010) menyatakan bahawa pengurusan yang melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan atau melibatkan pembangunan sememangnya memerlukan kos. Namun, kos yang digunakan keatas pemuliharaan dan pemeliharaan serta pembangunan tapak Bukit Puteri perlu menjalani beberapa prosedur terlebih dahulu sepertimana dinyatakan oleh informan 1 bahawa:

“Sekiranya, pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan memerlukan kos yang besar, pihak kita akan minta permohonan dana kepada pihak yang lebih besar sama ada Jabatan Warisan Negara (JWN), di peringkat

negeri ataupun kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Sekiranya dana telah diperolehi, baru pihak kita akan mencadangkan pemeliharaan tersebut dilakukan secara 'inhouse' mahupun secara luaran. Proses permohonan kita akan lakukan setiap tahun sekiranya permohonan kite tidak diterima. Disebabkan ianya juga bergantung pada perbelanjaan negeri”.

(11, Ketua Pengarah Muzium)

Informan 1 menyatakan bahawa, sekiranya pemeliharaan dan pemuliharaan yang ingin dijalankan memerlukan kos yang besar, pihak muzium perlu melakukan permohonan kepada pihak atasan dari segi kos dan ianya termasuk dari segi pembangunan yang ingin dijalankan. Selain itu, permohonan yang dijalankan tidak semestinya diterima. Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya perlu mengikut bajet negeri itu sendiri justeru itu, permohonan perlu dilakukan setiap tahun. Selain itu, penggunaan kos dalam pemeliharaan koleksi juga perlu melalui prosedur yang mana menurut informan 2 menyatakan bahawa:

“Setelah pemantauan dilakukan, pihak kita akan melihat bajet yang hendak digunakan sebelum mempamerkannya kepada pengarah muzium untuk mendapatkan kelulusan. Setelah mendapat kelulusan daripada Pengarah muzium, pihak kite baru lakukan pembelian barangan dan jalankan kerja-kerja pemuliharaan”.

(12, Penolong Kurator)

Informan 2 menyatakan bahawa, sebelum pembelian barangan dilakukan, permohonan perlu dilakukan untuk mendapatkan kelulusan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kos yang digunakan perlu diluluskan oleh Pengarah Muzium terlebih

dahulu. Setelah semua bajet mendapat kelulusan daripada pihak atasan pemuliharaan dan pemiharaan dapat dijalankan dengan prosedur konservasi supaya tidak berlaku kerosakan.

4.3 Tahap pengetahuan dan kepentingan serta strategi pemeliharaan tapak Bukit Puteri

Pada bahagian ini, pengkaji akan membahaskan atau menganalisis data bagi objektif kedua dan ketiga. Bagi objektif kedua iaitu ‘Mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri’ yang mana menggunakan kaedah kualitatif manakala bagi objektif ketiga pula iaitu ‘Mengenalpasti strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara’ di mana, objektif ini juga menggunakan kaedah kuantitatif namun, untuk mendapatkan maklumat yang lebih kukuh kaedah kualitatif juga turut digunakan bagi objektif ini.

4.3.1 Demografi Responden

Bagi objektif kedua, pengkaji menyediakan 10 soalan yang mana dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mengenai sejarah dan kepentingan tapak Bukit Puteri. Bagi objektif ketiga pula, pengkaji mengajukan 10 soalan berkaitan dengan cadangan dan strategi daripada pihak masyarakat serta pihak berkuasa untuk memastikan tapak warisan terus dikenali. Bagi kaedah kuantitatif pengkaji menyasarkan kepada 40 orang responden mengikut peringkat umur yang telah ditetapkan iaitu 16-25 tahun, 25-34 tahun, 34-43 tahun dan 43 tahun keatas. Selain itu,

daripada 160 orang responden ini pengkaji memperoleh jantina, tahap pekerjaan, bangsa serta tahap pendidikan yang berbeza-beza.

Taburan responden di Kuala Terengganu mengikut jantina iaitu seramai 72 orang responden lelaki dengan peratusan sebanyak 45% manakala bagi Perempuan pula adalah sebanyak 88 orang dengan peratusan sebanyak 55% (Jadual 4.2). Peringkat umur responden yang terdiri empat bahagian iaitu 16-25 tahun, 25-34 tahun, 34-43 tahun dan 43 tahun keatas (Jadual 4.3). Bagi mendapatkan data yang seimbang, pengkaji telah membahagikan bilangan responden sama rata iaitu 40 orang responden disetiap peringkat umur yang mana menghasilkan peratusan sebanyak 25% disetiap peringkat.

Selain itu, responden pada peringkat pekerjaan. Bilangan yang paling tinggi adalah responden yang bekerja Kerajaan/swasta yang mana memperolehi sebanyak 98 orang responden dengan peratusan sebanyak 61.1% manakala bilangan yang paling rendah adalah bagi golongan pelajar iaitu sebanyak 18 orang responden sahaja dengan peratusan 11.3%. Seterusnya, bagi golongan kerja sendiri dan tidak bekerja masing-masing memperolehi bilangan sebanyak 21 dan 23 orang responden dengan peratusan 13.1% dan 14.4% (Jadual 4.4)

Di samping itu, responden di Kuala Terengganu mengikut bangsa iaitu Melayu, India dan Cina (Jadual 4.5) menunjukkan bahawa bangsa yang tertinggi adalah Melayu iaitu seramai 158 orang responden dengan peratusan sebanyak 98.8% manakala bagi bangsa Cina pula sebanyak 2 orang responden sahaja dengan peratusan sebanyak 1.3%. Bagi bangsa

India dan lain-lain menunjukkan 0 bilangan. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa bangsa Melayu merupakan bangsa yang tertinggi di Kuala Terengganu berbanding yang kaum Cina, India dan lain-lain.

Bagi tahap pendidikan pula pengkaji membahagikan kepada empat katogeri iaitu pendidikan iaitu sekolah menengah, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan lain-lain (Jadual 4.6). Bilangan responden yang paling tinggi adalah di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 83 orang diikuti dengan peratusan sebanyak 51.9% manakala bilangan yang rendah adalah sekolah menengah dan lain-lain yang mana masing-masing memperolehi bilangan yang sama iaitu seramai 22 orang dengan peratusan 13.8%. Bagi bilangan responden di tahap Diploma pula adalah seramai 33 orang dengan peratusan sebanyak 20.6%. Jelaslah bahawa majoriti penduduk di Kuala Terengganu mempunyai purata pendidikan di tahap Ijazah Sarjana Muda.

Jadual 4.2: Bilangan responden mengikut jantina

| | Jantina Bilangan | Peratus (%) |
|-----------|----------------------------|-------------|
| Lelaki | 72 | 45.0 |
| Perempuan | 88 | 55.0 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.3: Bilangan responden mengikut umur

| Umur | | |
|-------------|----------|-------------|
| | Bilangan | Peratus (%) |
| 16-25 | 40 | 25.0 |
| 25-34 | 40 | 25.0 |
| 34-43 | 40 | 25.0 |
| 43 keatas | 40 | 25.0 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.4: Bilangan responden mengikut pekerjaan

| Pekerjaan | | |
|------------------|----------|-------------|
| | Bilangan | Peratus (%) |
| Pelajar | 18 | 11.3 |
| Kerja Sendiri | 21 | 13.1 |
| Kerajaan/Swasta | 98 | 61.3 |
| Tidak Bekerja | 23 | 14.4 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.5: Bilangan responden mengikut bangsa

| Bangsa | | |
|---------------|----------|-------------|
| | Bilangan | Peratus (%) |
| Melayu | 158 | 98.8 |
| Cina | 2 | 1.3 |
| India | 0 | 0.0 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.6: Bilangan responden mengikut tahap pendidikan

| Pendidikan | | |
|---------------------|----------|-------------|
| | Bilangan | Peratus (%) |
| Sekolah Menengah | 22 | 13.8 |
| Diploma | 33 | 20.6 |
| Ijazah Sarjana Muda | 83 | 51.9 |
| Lain-lain | 22 | 13.8 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

4.3.2 Tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tahap Bukit

Puteri.

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis data untuk menjawab persoalan dan objektif yang ke-2 sepertimana dinyatakan diatas. Setiap tapak warisan perlulah dikekalkan terutamanya dari segi sejarah dan keunikannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, keunikan yang dijaga pada tapak warisan tersebut sangatlah penting yang perlu dijaga serta dipelihara supaya tidak sirna ditelan zaman dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Seterusnya, dari segi penyelenggaraan yang dibuat ke atas tapak warisan ianya juga berpotensi tinggi untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan justeru itu, sesetengah tapak warisan perlu menjalani pembangunan semula serta pemuliharaan semula sebagai contoh tapak Bukit Puteri. Menurut Zulhilmi Paidi et al., (2014) pembangunan yang dilakukan ke atas bahan-bahan yang bersejarah seperti bangunan dan tapak warisan adalah untuk membangunkan serta mengembangkan industri pelancongan dengan meningkatkan kembali bahan warisan justeru itu, ianya memberi impak besar yang mana bukan sahaja kepada masyarakat malah kepada indusri pelancongan sesetengah tempat itu sendiri. Di dalam kajian ini, pengkaji ingin meneliti tahap pengetahuan masyarakat serta kepentingan tapak bukit puteri setelah tapak warisan Bukit Puteri menghadapi penangguhan dalam pembukaan semula tapak tersebut.

4.3.2.a Pengetahuan masyarakat terhadap sejarah tapak Bukit

Puteri

Pada bahagian ini, pengkaji menyediakn 5 soalan berkaitan dengan sejarah Bukit Puteri untuk mengetahui sejauhmanakah pengetahuan masyarakat setelah tapak Bukit Puteri menghadapi masalah dalam pembukaan semula sejak tahun 2018. Bagi bahagian I ianya meliputi skala 1, 2 dan 3 yang mewakili tidak, tidak pasti dan ya.

Bagi soalan satu berkaitan dengan pertanyaan fungsi tapak Bukit Puteri pada ketika dahulu iaitu ‘Adakah Bukit Puteri dijadikan sebagai tapak kubu pertahanan ketika zaman pemerintahan kesultanan Terengganu pada ketika dahulu?’, yang mana seramai empat orang menjawab ‘Tidak’ dengan peratus sebanyak 2.5% manakala bagi jawapan ‘Tidak pasti’ dan ‘Ya’ merangkumi seramai 24 dan 132 orang yang mana peratusannya sebanyak 15% dan 82.5% sepertimana ditunjukkan pada jadual 4.7.

Bagi soalan dua pula ianya meliputi soalan “Adakah tapak ini menjadi rebutan oleh 3 orang sultan yang memerintah negeri Terengganu sehingga mencetuskan perang saudara?”. Bagi soalan ini seramai 10 orang menjawab ‘Tidak’ yang mana peratusan sebanyak 6.3% manakala bagi jawapan ‘Tidak pasti’ pula seramai 94 orang dengan peratusan sebanyak 58.8%. Bagi

jawapan 'Ya' pula memperolehi sebanyak 56 orang responden dengan peratusan yang diperolehi sebanyak 35% (Jadual 4.8).

Seterusnya, bagi soalan 3 pula ianya meliputi soalan seperti 'Adakah benar ketika zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah I tapak ini dijadikan rujukan perdagangan?'. Soalan ini memperolehi jawapan 'Tidak' seramai 8 orang dengan peratusan sebanyak 5%. Seterusnya, bagi jawapan 'Tidak pasti' pula memperolehi seramai 57 orang responden manakala bagi jawapan 'Ya' memperolehi ramai 95 orang responden. Kedua-dua jawapan ini masing-masing memperolehi sebanyak 35.6% dan 59.4% (Jadual 4.9).

Selain itu, bagi soalan keempat iaitu "Adakah artifak yang terdapat pada tapak warisan ini merupakan peninggalan peperangan dahulu?". Bagi soalan ini jawapan yang paling tinggi adalah pada skala 4 iaitu menjawab kepada 'Ya' yang mana merangkumi seramai 131 orang responden dengan peratusnya sebanyak 81.9%. Bagi jawapan yang paling rendah adalah pada skala 1 iaitu 'Tidak' hanya 9 orang responden sahaja dengan peratusnya sebanyak 5.6% manakala bagi jawapan tidak pasti pula adalah seramai 20 orang responden dengan peratusnya sebanyak 12.5% (Jadual 4.10)

Bagi soalan terakhir pula yang merangkumi soalan berkaitan dengan “Adakah benar tapak ini juga digunakan untuk membanteras serangan daripada pihak Briton, Siam dan Jepun?”. Pada bahagian ini seramai 11 orang menjawab jawapan tidak, 59 orang menjawab tidak pasti dan 90 orang menjawab jawapan ya. Bagi kesemua jawapan ini masing-masing memperoleh peratusannya sebanyak 6.9%, 36.9% dan 56.3% (Jadual 4.11)

Oleh itu, hasil daripada analisis data bahagian satu berkaitan dengan sejarah, rata-rata penduduk setempat masih kurang mengetahui sejarah berkaitan dengan Bukit Puteri yang mana terdapat segelintir masyarakat masih tidak pasti dan tidak mengetahui sejarah tapak tersebut. Sekiranya, penutupan tapak ini masih berlarutan kemungkinan ianya memberi kesan kepada generasi akan datang berkaitan dengan sejarah dan keberadaan tapak ini di Kuala Terengganu.

Jadual 4.7: Data soalan 1 bahagian I [O2]

| I.B1 | | |
|-------------|----------|-------------|
| Skala | Bilangan | Peratus (%) |
| 1 | 4 | 2.5 |
| 2 | 24 | 15.0 |
| 3 | 132 | 82.5 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.8: Data soalan 2 bahagian I [O2]

| I.B2 | | |
|-------------|----------|-------------|
| Skala | Bilangan | Peratus (%) |
| 1 | 10 | 6.3 |
| 2 | 94 | 58.8 |
| 3 | 56 | 35.0 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.9: Data soalan 3 bahagian I [O2]

| I.B3 | | |
|-------------|----------|-------------|
| Skala | Bilangan | Peratus (%) |
| 1 | 8 | 5.0 |
| 2 | 57 | 35.6 |
| 3 | 95 | 59.4 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.10: Data soalan 4 bahagian I [O2]

| I.B4 | | |
|-------------|----------|-------------|
| Skala | Bilangan | Peratus (%) |
| 1 | 9 | 5.6 |
| 2 | 20 | 12.5 |
| 3 | 131 | 81.9 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.11: Data soalan 5 bahagian I [O2]

| I.B5 | | |
|-------------|----------|-------------|
| Skala | Bilangan | Peratus (%) |
| 1 | 11 | 6.9 |
| 2 | 59 | 36.9 |
| 3 | 90 | 56.3 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

4.3.2.b Sejauhmanakah kepentingan tapak Bukit Puteri kepada orang ramai.

Bahagian ini disediakan untuk melihat sejauhmanakah masyarakat beranggapan tapak Bukit Puteri sangat penting untuk dipelihara dengan menyediakan skala 1, 2, 3 dan 4 yang mewakili tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Bagi soalan 1 merangkumi soalan “Saya bersetuju pemeliharaan tapak warisan budaya membantu anak muda lebih mencintai tanah air mereka”. Rata-rata responden sangat bersetuju yang mana merangkumi seramai 118 orang responden menjawab sangat setuju dengan peratusnya sebanyak 73.8%. Bagi responden menjawab skala tidak setuju, tidak pasti dan setuju merangkumi seramai 1, 2 dan 39 orang yang mana peratusannya masing-masing memperolehi sebanyak 0.6%, 1.3% dan 24.4%. (Jadual 4.12)

Bagi soalan dua iaitu “Saya bersetuju dengan pemeliharaan tapak warisan dapat membantu ekonomi masyarakat sekitar”, bilangan responden menjawab skala tidak setuju hanya seramai 2 orang dengan peratusnya sebanyak 1.3%. Bagi skala tidak pasti, setuju dan sangat setuju adalah seramai 7, 44, dan 107 orang responden dengan peratusannya adalah sebanyak 4.4%, 27.5% dan 66.9%. (Jadual 4.13)

Seterusnya, bagi soalan tiga pula iaitu “ Saya bersetuju pemeliharaan tapak warisan mampu mempengaruhi minat pelancong”. Daripada soalan ini terdapat 2 orang tidak bersetuju, 3 orang tidak pasti, 41 orang bersetuju dan 114 orang sangat bersetuju. Peratusan yang diperolehi setiap skala adalah 1.3%, 1.9%, 25.6% dan 71.3%. Apa yang boleh dirumuskan, hanya segelintir penduduk beranggapan pemeliharaan tapak warisan ini memberi pengaruh kepada sektor pelancongan (Jadual 4.14).

Soalan seterusnya di dalam bahagian ini adalah “Saya bersetuju tapak warisan membawa identiti sesebuah tempat”. Rata-rata penduduk sangat bersetuju dengan kenyataan yang diajukan iaitu mendapat bilangan seramai 115 orang responden dengan peratusnya sebanyak 71.9%. bagi kedua tertinggi adalah bagi skala setuju iaitu seramai 41 orang responden dengan peratusannya memperoleh sebanyak 25.6%. Bagi skala tidak pasti pula memperoleh seramai 3 orang responden sahaja diikuti dengan 1 orang responden tidak bersetuju bahawa tapak warisan

membawa identiti sesebuah tempat yang mana meragkumi peratusan sebanyak 1.9% dan 1% sahaja. Jelaslah bahawa penduduk Kuala Terengganu bersetuju bahawa tapak warisan membawa identiti sesebuah tempat sebagai contoh dari segi sejarah, budaya dan keunikan warisan itu sendiri (Jadual 4.15)

Bagi soalan kelima dalam bahagian ini iaitu “Saya bersetuju penjagaan warisan budaya merupakan salah satu inisiatif untuk mempromosikan budaya kepada masyarakat luar”. Bagi soalan ini bilangan responden yang sangat bersetuju mengenai kepentingan pemeliharaan tapak Bukit Puteri adalah seramai 117 orang responden peratusannya sebanyak 73.1%. Skala ini merupakan bilangan yang tertinggi dan bilangan yang kedua tinggi adalah jawapan pada skala setuju iaitu memperolehi bilangan seramai 40 orang dengan peratusannya sebanyak 25%. Bagi skala tidak pasti pula memperolehi bilangan responden seramai 2 orang sahaja dengan peratusnya sebanyak 1.3% dan diikuti dengan tidak bersetuju iaitu hanya 1 orang responden sahaja dengan peratusnya sebanyak 0.6%. Jelaslah bahawa penduduk tempatan sangat bersetuju bahawa pemeliharaan tapak Bukit Puteri memberikan impak yang mana mampu mempromosikan budaya kepada orang luar (Jadual 4.16)

Oleh itu, daripada data yang dianalisis ini menampakkan rata-rata penduduk sangat bersetuju dengan kenyataan yang diajukan kepada mereka berkaitan dengan impak daripada pemeliharaan Bukit Puteri ini. Pemeliharaan ini sangat penting untuk memastikan ianya tidak sirna ditelan zaman dan memberi pengaruh yang kuat terutamanya kepada generasi akan datang.

Jadual 4.12: Data soalan 1 bahagian II [O2]

| II.B1 | | |
|--------------|----------|-------------|
| | Bilangan | Peratus (%) |
| 1 | 1 | .6 |
| 2 | 2 | 1.3 |
| 3 | 39 | 24.4 |
| 4 | 118 | 73.8 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.13: Data soalan 2 bahagian II [O2]

| II.B2 | | |
|--------------|----------|-------------|
| | Bilangan | Peratus (%) |
| 1 | 2 | 1.3 |
| 2 | 7 | 4.4 |
| 3 | 44 | 27.5 |
| 4 | 107 | 66.9 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.14: Data soalan 3 bahagian II [O2]

II.B3

| | Bilangan | Peratus (%) |
|--------|----------|-------------|
| 1 | 2 | 1.3 |
| 2 | 3 | 1.9 |
| 3 | 41 | 25.6 |
| 4 | 114 | 71.3 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.15: Data soalan 4 bahagian II [O2]

II.B4

| | Bilangan | Peratus (%) |
|--------|----------|-------------|
| 1 | 1 | .6 |
| 2 | 3 | 1.9 |
| 3 | 41 | 25.6 |
| 4 | 115 | 71.9 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.16: Data soalan 5 bahagian II [O2]

II.B5

| | Bilangan | Peratus (%) |
|--------|----------|-------------|
| 1 | 1 | .6 |
| 2 | 2 | 1.3 |
| 3 | 40 | 25.0 |
| 4 | 117 | 73.1 |
| Jumlah | 160 | 100.0 |

4.3.3 Strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara

Strategi adalah merupakan suatu perkara yang sering digunakan untuk meningkatkan sesuatu produk termasuklah produk warisan untuk memastikan sesetengah produk warisan itu dapat dimanfaatkan seperti dari segi sektor pelancongan. Pada bahagian ini pengkaji akan membahagikan kepada dua bahagian iaitu strategi dari pihak berkuasa tapak Bukit Puteri dan juga masyarakat untuk memastikan tapak warisan Bukit Puteri sentiasa dikenali walaupun menghadapi permasalahan dari segi pembukaan semula disebabkan beberapa isu yang telah dibincangkan pada objektif pertama.

4.3.3.a Strategi atau cadangan dari pihak berkuasa tapak Bukit Puteri.

Untuk mengetahui strategi atau cadangan oleh pihak berkuasa dalam mempromosikan atau membangunkan semula tapak Bukit Puteri setelah hampir lima tahun penutupan. Terdapat beberapa cadangan dan strategi daripada beberapa orang informan daripada pihak bertanggungjawab dalam menjaga tapak Bukit Puteri iaitu daripada informan 1 yang menyatakan bahawa :

“Kita akan jalankan promosi dibawah pelancongan dan muzium negeri. Fungsi salah satu muzium adalah untuk memelihara khazanah justeru itu, walaupun ianya dianggap tidak penting bagi sesetengah masyarakat namun, pihak muzium perlu bertanggungjawab untuk memastikan khazanah yang ditinggalkan kekal sehingga generasi akan datang”.

(I1, Penolong Pengarah Muzium)

Informan 1 menjelaskan bahawa muzium adalah tempat untuk memastikan kahazah-khazanah yang ditinggalkan dapat dikekalkan supaya tidak sirna ditelan zaman. Seterusnya, dengan pemeliharaan dan pemuliharaan yang dibuat dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Kenyataan ini disokong oleh sumber sekunder Muhammad Ainuddin Mustafa (2015), menyatakan bahawa muzium adalah tempat penyimpanan barang-barang lama di dalam sebuah bangunan dan bertanggungjawab dalam memegang amanah warisan negara yang bernilai. Seterusnya, terdapat pelbagai cadangan atau startegi yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat tapak warisan kepada khalayak ramai. Hal ini dikatalan demikian kerana., pada era globalisasi kini, media massa merupakan satu produk yang tidak asing lagi bagi masyarakat kini. Media massa merupakan satu sumber untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan lebih cepat dan sistematik (Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli, 2020). Kenyataan ini lebih diperkukuhkan lagi dengan informan 2 yang menyatakan bahawa:

“Cadangan saya selepas tapak ini dibuka seperti sedia kala, pengistiharan perlu dilakukan di dalam page-page seperti unit pelancongan, muzium dan bergabung dengan page-page yang terkenal”.

(I2, Penolong Kurator)

Menurut informan 2 menyatakan bahawa, selepas tapak Bukit Puteri diselenggara sepenuhnya dan dapat dibuka kepada para pelancong, pihak berkuasa perlu melakukan penyebaran dengan bantuan pihak berpengaruh terutamanya dengan menggunakan laman sesawang seperti unit pelancongan, muzium dan laman-laman yang terkenal untuk melakukan pengistiharan bahawa tapak Bukit Puteri telah dibuka semula kepada pengunjung setelah sekian lama ditutup kepada sektor pelancongan. Kenyataan ini juga disokong kuat oleh informan 3 yang mana menyatakan bahawa:

“Pendapat saya strategi atau cadangan yang boleh digunakan untuk memastikan tapak warisan Bukit Puteri adalah dengan mengadakan sidang media untuk melakukan penyebaran berkaitan dengan oembukaan semula tapak ini kepada para pelancong sebagai contoh menjemput melakukan hebahan dalam radio seperti Manis FM, Ganu FM. Hebahan ini juga akan dilakukan di dalam televisyen seperti siaran RTM. Seterusnya, kita akan lakukan hebahan di dalam facebook (Terengganu State Muzium), Tiktok dan Instagram. Di samping itu, kita juga akan melakukan hebahan dengan menggunakan banting untuk mempromosi tapak Bukit Puteri dengan berwajah baru”.

(I3, Ketua Sektor Konservasi)

Bagi informan 3 pula menyatakan bahawa cadangan yang perlu digunakan untuk melakukan hebahan setelah tapak Bukit Puteri dibuka semula dan ingin menarik pelancong untuk berkunjung ke tapak tersebut adalah dengan melakukan sidang media dengan memanggil Radio Televisyen Malaysia (RTM), Ganu FM, Manis FM dan juga melalui media sosial yang berpengaruh. Penggunaan media ini amat memberi impak yang besar untuk melakukan hebahan dengan masa yang cepat yang mana fungsi media itu sendiri adalah untuk memberikan maklumat. Kenyataan ini disokong oleh sumber sekunder iaitu Nor Azian Nashurriddin (2012), untuk mempromosikan produk warisan, strategi promosi yang berterusan haruslah dipertingkatkan seperti dari saluran media massa dan media baru supaya dapat menarik lebih ramai pengunjung ke sesuatu tempat. Oleh itu, apa yang boleh dijelaskan bahawa, cadangan dan strategi yang akan digunakan oleh pihak berkuasa untuk menghidupkan kembali tapak Bukit Puteri setelah menghadapi isu pembukaan semula tapak tersebut untuk memastikan dikenali dan menjadi aset pelancongan yang tidak sirna di Kuala Terengganu adalah dengan menggunakan media massa.

4.3.3.b Strategi atau cadangan dari masyarakat

Pengkaji telah mengajukan 10 soalan kepada penduduk setempat iaitu seramai 160 responden untuk meminta pendapat bagaimana untuk mempromosikan tapak warisan budaya Bukit Puteri supaya dapat dikenali masyarakat. Promosi ini sangat penting untuk memastikan pelancong dapat mengetahui keberadaan tapak warisan justeru itu, ianya dapat meningkatkan Bukit Puteri meningkat sebagai aset pelancongan di Kuala Terengganu. Di mana pada bahagian ini pengkaji menggunakan 4 skala iaitu 1(tidak setuju), 2 (tidak pasti), 3 (setuju) dan 4 (sangat setuju).

Bagi soalan 1 pengkaji mengajukan soalan “Saya bersetuju kempen adalah salah satu cara yang bagus untuk menyebarkan maklumat berkaitan tapak warisan budaya”. Bagi soalan ini rata-rata penduduk sangat bersetuju sekiranya pihak berkuasa mengambil inisiatif dengan mengadakan kempen sebagai startegi untuk menarik minat dan melakukan penyebaran maklumat berkaitan dengan tapak warisan walaupun berlaku penutupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, skala tertinggi bagi soalan ini adalah pada skala 4 yang mewakili sangat setuju iaitu seramai 102 orang dengan peratusannya sebanyak 63.7% diikuti dengan skala 3 iaitu seramai 53 orang responden dengan peratusnya sebanyak 33.1%. Seterusnya, bagi skala 3 pula bilangan responden yang tidak pasti hanyalah seramai 5 orang dengan peratusannya sebanyak 3.1%. Bagi bilangan responden pada skala 1 pula menunjukkan 0. Oleh itu, apa yang boleh dijelaskan

bahawa, rata-rata penduduk bersetuju bahawa kempen adalah salah satu strategi yang efektif untuk melakukan penyebaran maklumat berkaitan dengan tapak warisan Bukit Puteri untuk memastikan masyarakat sentiasa mengetahui maklumatnya walaupun ditutup kepada sektor pelancongan ketika didalam proses penyelenggaraan (Jadual 4.17)

Seterusnya, bagi soalan dua pula iaitu “Saya bersetuju penggunaan rangkaian radio merupakan langkah yang efektif untuk mempromosikan maklumat berkaitan warisan tapak budaya dengan baik”. Bagi soalan ini, bilangan yang paling tinggi adalah 83 orang responden iaitu pada skala 4 (sangat bersetuju) yang menunjukkan peratusan sebanyak 51.9% manakala bilangan yang paling rendah adalah pada skala 1 iaitu menunjukkan bilangan responden seramai 8 orang dengan peratusannya sebanyak 5% justeru itu, penduduk setempat juga bersetuju bahawa rangkaian radio juga memainkan peranan penting dalam melakukan penyebaran maklumat berkaitan dengan tapak warisan bukit Puteri. Bagi skala 2 dan 3 masing-masing mendapat bilangan responden seramai 16 dan 53 orang dengan peratusan sebanyak 10% dan 33.1%. Oleh itu, selain daripada kempen, pihak berkuasa juga perlu melakukan penyebaran melalui rangkaian radio sepertimana yang dinyatakan oleh informan 2, iaitu selepas mendapat kebenaran sepenuhnya pembukaan tapak Bukit Puteri, pihak berkuasa akan

memanggil sidang media untuk melakukan penyebaran kepada masyarakat (Jadual 4.18)

Bagi soalan 3 pula iaitu “Saya bersetuju dengan melakukan aktiviti di sekitar tapak warisan mampu mempromosikan tapak Bukit Puteri walaupun sedang diselenggara”. Soalan ini menunjukkan 6 orang di skala 1 dengan peratusan sebanyak 3.8% responden tidak bersetuju dengan strategi atau cadangan yang diajukan manakala bagi skala 2 pula menunjukkan bilangan responden seramai 7 orang tidak pasti dengan nilai peratusnya sebanyak 4.4%. Bagi skala 3 dan 4 pula menunjukkan bilangan seramai 52 dan 95 orang dengan peratusan masing-masing memperoleh sebanyak 32.5% dan 59.4%. Data ini menunjukkan bilangan yang paling tinggi adalah pada skala 4 iaitu sangat bersetuju. Oleh itu, apa yang boleh disimpulkan bahawa responden sangat bersetuju sekiranya pihak berkuasa melakukan aktiviti di sekitar tapak yang mana sekaligus dapat mempromosikan Bukit Puteri walaupun ianya sedang diselenggara (Jadual 4.19)

Bagi soalan keempat pula iaitu “Saya bersetuju dengan adanya info berkaitan tapak Bukit Puteri di sekitar tapak mampu menarik minat pengunjung untuk membaca walaupun tapak sedang diselenggara” mendapat bilangan tertinggi adalah seramai 92 orang responden iaitu pada skala keempat dengan peratusan sebanyak 57.5% manakala kedua tertinggi adalah pada

skala 3 iaitu dengan bilangan responden sebanyak 57 orang dan memperolehi peratusan sebanyak 35.6%. Seterusnya, bagi skala 2 pula memperolehi sebanyak 9 orang responden iaitu tidak pasti dengan cadangan yang diajukan dengan peratusan sebanyak 5.6%. Bagi skala 1 pula iaitu mewakili responden yang tidak bersetuju hanyalah 2 orang responden sahaja dengan mendapat peratusan sebanyak 1.3%. Oleh itu, apa yang boleh dilihat daripada analisis data soalan keempat ini, rata-rata penduduk setempat bersetuju untuk memastikan info tapak Bukit Puteri tetap disebarikan melalui penyebaran di sekitar tapak warisan walaupun sedang diselenggara ataupun berlaku penutupan sementara yang mana pihak berkuasa perlu mengambil langkah ini supaya Bukit Puteri terus dikenali oleh masyarakat (Jadual 4.20)

Soalan seterusnya adalah “Saya bersetuju ibu bapa adalah individu yang perlu memainkan peranan secara langsung agar anak-anak sentiasa ingin mengetahui sejarah dan tapak warisan”. Bagi soalan ini mendapati sebanyak 5 orang tidak bersetuju bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan dalam penyebaran maklumat berkaitan dengan tapak warisan budaya Bukit Puteri yang mana memperoleh peratusan sebanyak 3.1% sahaja. Seterusnya, bagi responden yang tidak pasti dengan cadangan yang diajukan hanyalah seramai 7 orang sahaja dengan peratusan sebanyak 4.4%. Bagi skala 3 dan 4 pula yang mewakili setuju dan sangat setuju masing-masing memperoleh seramai 52 dan 96 orang responden dengan peratusan sebanyak 32.5% dan 60%.

Jelaslah bahawa, walaupun masih terdapat responden yang tidak bersetuju dengan peranan ibu bapa dalam menyebarkan maklumat namun bilangan yang sangat bersetuju melebihi bilangan yang tidak bersetuju iaitu mempunyai perbezaan sebanyak 91 orang responden dengan peratusan sebanyak 56.9% (Jadual 4.21)

Di samping itu, bagi soalan yang ke-6 pula iaitu “Saya bersetuju pihak muzium perlu mengadakan tinjauan sekolah ke sekolah untuk memastikan anak muda menerima info berkaitan dengan tapak warisan budaya Bukit Puteri” yang mana soalan ini mendapat bilangan 3 orang responden yang tidak bersetuju dengan cadangan yang diajukan iaitu dengan peratusan sebanyak 1.9%. Seterusnya, bagi responden yang tidak pasti adalah seramai 6 orang yang mana memperolehi peratusan sebanyak 3.8% manakala bagi responden yang bersetuju dan sangat bersetuju masing-masing memperoleh sebanyak 48 dan 103 orang responden iaitu dengan peratusan sebanyak 30% dan 64.4%. Jelaslah bahawa pihak sekolah juga perlu memainkan peranan dengan menjemput pihak berkuasa tapak warisan untuk memberi info berkaitan tapak warisan Bukit Puteri supaya info yang diberikan sedikit sebanyak dapat memastikan anak-anak muda masih mengenali tapak warisan budaya yang berlokasi di Kuala Terengganu (Jadual 4.22)

Soalan seterusnya adalah “Saya bersetuju dengan adanya muzium sementara berkaitan tapak warisan mampu menarik minat pengunjung” untuk soalan ini bilangan yang paling tinggi adalah pada skala 4 iaitu seramai 93 orang responden sangat bersetuju adakan muzium sementara yang mana berfungsi sebagai memberi maklumat berkaitan dengan tapak warisan sepanjang penutupan tapak dilakukan dengan peratusan sebanyak 58.1% manakala bagi skala yang kedua tertinggi adalah pada skala 3 iaitu seramai 56 orang responden dengan peratusan sebanyak 35%. Seterusnya, bagi ketiga dan keempat adalah pada skala 2 dan 1 yang mana memperolehi seramai 9 dan 2 orang responden sahaja dengan peratusnya sebanyak 5.6% dan 1.3%. Jelaslah bahawa, rata-rata penduduk setempat sangat bersetuju adakan muzium sementara ini. Hal ini menyebabkan, masyarakat masih dapat mengetahui dan menerima info berkaitan dengan tapak dengan baik walaupun pengunjung tidak dapat berkunjung dan melihat sendiri tapak warisan tersebut. Oleh itu, pihak berkuasa juga perlu mengambil maklum bahawa dengan adanya muzium sementara ini, pelancong masih menerima maklumat berkaitan tapak warisan walaupun ianya sedang diselenggara dalam masa yang panjang (Jadual 4.23)

Di samping itu, bagi soalan yang ke-8 pula iaitu ‘Saya bersetuju penggunaan aplikasi seperti *Facebook*, *Tiktok* dan *Instagram* merupakan langkah terbaik untuk menarik minat masyarakat dan mengetahui sejarah dan tapak warisan’. Bagi

soalan ini data yang paling tinggi diperolehi adalah sebanyak 121 orang responden yang sangat bersetuju dengan peratusan sebanyak 75.6% manakala kedua tertinggi adalah seramai 37 orang responden yang setuju dengan cadangan yang diajukan. Bagi skala 1 dan 2 masing-masing memperolehi 1 orang responden yang tidak pasti dan tidak setuju dengan cadangan yang diajukan yang mana memperolehi peratusan sebanyak 0.6%. Oleh itu, apa yang boleh disimpulkan bagi soalan ini, walaupun masih ada masyarakat setempat yang tidak bersetuju namun, bilangan bagi responden yang sangat setuju dan setuju melebihi bilangan yang tidak setuju dan tidak pasti justeru itu, media massa juga boleh dijadikan saluran utama dalam menyebarkan maklumat berkaitan dengan tapak Bukit Puteri walaupun tapak tersebut diarahkan tutup buat sementara waktu kepada sektor pelancongan namun, dengan penggunaan media massa ini masyarakat masih dapat mengetahui kewujudannya (Jadual 4.24)

Seterusnya, bagi soalan kedua terakhir iaitu soalan yang ke-9 berbunyi ‘Saya bersetuju penyebaran maklumat melalui *template* berkaitan dengan sejarah tapak kepada masyarakat merupakan langkah yang terbaik untuk melakukan penyebaran maklumat’. Bagi soalan ini terdapat 5 orang responden yang tidak bersetuju yang memperolehi sebanyak 3.1%. Seterusnya, bagi responden yang tidak pasti akan cadangan yang diajukan ini adalah seramai 17 orang dengan peratusan yang diperolehi adalah

sebanyak 10.6%. Selain itu, bilangan responden yang bersetuju dan sangat bersetuju penyebaran maklumat tapak Bukit Puteri melalui template adalah seramai 60 dan 78 orang responden dengan peratusannya sebanyak 37% dan 48%. Jelaslah bahawa cadangan yang diajukan ini masih diterima oleh masyarakat walaupun terdapat responden yang tidak setuju dan tidak pasti dengan cadangan yang dicadang. Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengambil inisiatif ini dengan malakukan agihan *template* berkaitan dengan tapak supaya masyarakat masih mengenali tapak Bukit Puteri terutamanya pada golongan muda pada masa kini agar nilai budaya dalam diri mereka tidak sirna (Jadual 4.25)

Soalan terakhir bagi mencadangkan strategi yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat berkaitan dengan tapak warisan iaitu 'Saya bersetuju dengan adanya replika tapak warisan mampu memberi gambaran kepada masyarakat reka bentuk tapak walaupun tapak sebenar sedang diselenggara'. Bagi soalan ini responden yang tidak bersetuju adalah seramai 3 orang sahaja dengan peratusannya sebanyak 1.9% manakala bagi responden yang tidak pasti dengan cadangan yang diajukan adalah seramai 13 orang responden dengan peratus yang diperolehi adalah sebanyak 8.1%. Bilangan responden yang bersetuju dan sangat bersetuju bagi cadangan ini adalah seramai 52 dan 92 orang responden dan masing-masing memproleh peratusan sebanyak 32.5% dan 57.5%. Jelaslah bahawa cadangan yang ke-10 ini juga mendapat persetujuan daripada masyarakat

setempat. Oleh itu, pihak berkuasa perlu memainkan peranan dalam menghasilkan replika tapak warisan Bukit Puteri supaya masyarakat dapat melihat bagaimana rupa bentuk tapak itu sendiri memandangkan masyarakat atau pelancong tidak dibenarkan naik ke atas tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa (Jadual 4.26)

Rumusannya, cadangan yang paling tinggi mendapat persetujuan daripada pihak masyarakat setempat adalah soalan 8 iaitu. ‘Saya bersetuju penggunaa aplikasi seperti Facebook, Tiktok dan Instagram merupakan langkah terbaik untuk menarik minat masyarakat untuk mengetahui sejarah dan tapak warisan.’ yang mana seramai 121 orang responden sangat bersetuju dengan cadangan yang telah diberikan. Untuk menjayakan cadangan ini, ianya bukan sahaja dijalankan oleh pihak berkuasa malah ianya dapat dibantu oleh pihak NGO , influencer yang berpengaruh untuk menjayakan lagi penyebaran maklumat berkaitan dengan tapak Bukit Puteri supaya masyarakat lebih mengetahui apa itu sejarah dan nilai warisan yang terdapat pada tapak Bukit Puteri dan pada masa yang sama iaitu dapat meningkatkan sektor pelancongan Negeri Terengganu.

Jadual 4.17: Data soalan 1 [O3]

| | | C1 | |
|-------|--------|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 0 | 0.0 |
| | 2 | 5 | 3.1 |
| | 3 | 53 | 33.1 |
| | 4 | 102 | 63.7 |
| | Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.18: Data soalan 2 [O3]

| | | C2 | |
|-------|--------|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 8 | 5.0 |
| | 2 | 16 | 10.0 |
| | 3 | 53 | 33.1 |
| | 4 | 83 | 51.9 |
| | Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.19: Data soalan 3 [O3]

| | | C3 | |
|-------|--------|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 6 | 3.8 |
| | 2 | 7 | 4.4 |
| | 3 | 52 | 32.5 |
| | 4 | 95 | 59.4 |
| | Jumlah | 160 | 100.0 |

MALAYSIA
 KELANTAN

Jadual 4.20: Data soalan 4 [O3]

| | | C4 | |
|--------|---|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 2 | 1.3 |
| | 2 | 9 | 5.6 |
| | 3 | 57 | 35.6 |
| | 4 | 92 | 57.5 |
| Jumlah | | 160 | 100.0 |

Jadual 4.21: Data soalan 5 [O3]

| | | C5 | |
|--------|---|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 5 | 3.1 |
| | 2 | 7 | 4.4 |
| | 3 | 52 | 32.5 |
| | 4 | 96 | 60.0 |
| Jumlah | | 160 | 100.0 |

Jadual .4.22: Data soalan 6 [O3]

| | | C6 | |
|--------|---|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 3 | 1.9 |
| | 2 | 6 | 3.8 |
| | 3 | 48 | 30.0 |
| | 4 | 103 | 64.4 |
| Jumlah | | 160 | 100.0 |

Jadual 4.21: Data soalan 5 [O3]

| | | C5 | |
|--------|---|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 5 | 3.1 |
| | 2 | 7 | 4.4 |
| | 3 | 52 | 32.5 |
| | 4 | 96 | 60.0 |
| Jumlah | | 160 | 100.0 |

Jadual .4.22: Data soalan 6 [O3]

| | | C6 | |
|-------|--------|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 3 | 1.9 |
| | 2 | 6 | 3.8 |
| | 3 | 48 | 30.0 |
| | 4 | 103 | 64.4 |
| | Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.23: Data soalan 7 [O3]

| | | C7 | |
|-------|--------|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 2 | 1.3 |
| | 2 | 9 | 5.6 |
| | 3 | 56 | 35.0 |
| | 4 | 93 | 58.1 |
| | Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.24: Data soalan 8 [O3]

| | | C8 | |
|-------|--------|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 1 | .6 |
| | 2 | 1 | .6 |
| | 3 | 37 | 23.1 |
| | 4 | 121 | 75.6 |
| | Jumlah | 160 | 100.0 |

Jadual 4.25: Data soalan 9 [O3]

| | | C9 | |
|--------|---|-----------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 5 | 3.1 |
| | 2 | 17 | 10.6 |
| | 3 | 60 | 37.5 |
| | 4 | 78 | 48.8 |
| Jumlah | | 160 | 100.0 |

Jadual 4.26: Data soalan 10 [O3]

| | | C10 | |
|--------|---|------------|-------------|
| | | Bilangan | Peratus (%) |
| Valid | 1 | 3 | 1.9 |
| | 2 | 13 | 8.1 |
| | 3 | 52 | 32.5 |
| | 4 | 92 | 57.5 |
| Jumlah | | 160 | 100.0 |

4.4 Pengurusan pemeliharaan tapak menerusi Teori Birokrasi Max Weber

Dalam sesuatu pekerjaan pengurusan sangat penting untuk memastikan ianya dapat dijalankan dengan lancar tanpa timbulnya permasalahan. Seterusnya, Max Weber juga menyakan bahawa teori ini mewujudkan satu pekerjaan yang membezakannya dengan pentadbiran tradisional (Siti Radhiah Hamsar & Ab. Samad Kechot, 2017). Teori ini digunakan di dalam kajian ini sebagai *platform* untuk menjelaskan pendekatan pengurusan yang digunakan dalam pengurusan pemeliharaan. Selain itu, teori ini mengkategorikan kepada tujuh elemen yang mempengaruhi pengurusan. Walau bagaimanapun, pengkaji mengaplikasikan dua daripada tujuh elemen dalam teori tersebut iaitu pembahagian kerja, aturan dan prosedur rangka kerja serta bidang kecekapan khusus. Kedua-dua elemen ini dikaji dan dibincangkan dengan menghuraikan perkaitan di antara Teori Birokrasi dengan analisis dapatan kajian yang dibincangkan dalam 4.2.

4.4.1 Pembahagian Kerja

Teori Birokrasi mementingkan susunan fungsi untuk setiap tugas yang diberikan supaya adanya keseragaman dalam menjalankan setiap tugas yang diberikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, keseragaman dalam menghasilkan pekerjaan ianya mampu mewujudkan tanggungjawab dalam menyelesaikan tugas. menentukan peranan dalam menjalankan tugas serta hubungan diantara anggota (A. Rahman A.N., 2009) sepertimana yang dinyatakan oleh Informan 2 pada tema 4.2.3 (a) menyatakan bahawa setiap prosedur diambil alih oleh bahagian atau unit masing-masing. Pengkaji mendapati setiap prosedur yang diterapkan dalam sesuatu organisasi mempunyai fungsi masing-masing seperti mana yang dinyatakan oleh informan 2 iaitu:

“Pada awalnya anak buah saya akan melakukan pemantauan dan sekiranya ada kerosakan pada mana-mana bahagian sesi fotografi akan dilakukan untuk dijadikan sebagai laporan awal dan hasil yang diperolehi akan dihantar kepada unit konservasi untuk mendapatkan pengesahan secara terperinci”.

(I2, Penolong Kurator)

Menerusi pernyataan informan 2 tersebut menyatakan bahawa sebelum proses pemeliharaan dilakukan, ianya perlu melalui beberapa proses terlebih dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, untuk menjalankan apa-apa pemeliharaan ke atas tapak Bukit Puteri ianya perlu mendapatkan persetujuan daripada pihak atasan terlebih dahulu. Selain itu, apa yang diperkatakan oleh beliau iaitu laporan awal akan diterima untuk dihantarkan kepada unit konservasi melalui anak buahnya justeru itu ianya selari dengan Teori Birokrasi yang digunakan oleh pengkaji dalam mengkaji berkaitan dengan pngurusan pemeliharaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui teori ini, ianya menampakkan bahawa setiap proses adanya unit atau bahagian masing-masing sebelum ianya dihantarkan kepada pihak atasan. Pembahagian kerja ini juga mampu menjimatkan masa dalam sesuatu pekerjaan yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya pembahagian ini, setiap pekerja mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam menyelesaikan tuugasan yang diberikan. Kenyataan ini juga disokong oleh informan 3 yang menyatakan bahawa:

“Ada 3 unit yang bertanggungjawab keatas tapak Bukit Puteri ni iaitu saya sendiri unit konservasi. Seterusnya, sejarah dan pembangunan”.

(I3, Ketua Sektor Konservasi)

4.4.2 Bidang Kecekapan Khusus.

Menerusi Teori Birokrasi Max Weber (1864-1920) menjelaskan bahawa kecekapan dalam sesuatu bidang sangatlah penting yang mana dapat menghasilkan pengkhususan atau pembahagian kerja yang sistematik. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan sistem birokrasi ini, ianya mampu mewujudkan pelbagai fungsi yang berbeza-beza mengikut unit yang telah ditetapkan dalam satu organisasi yang mana dengan adanya pembahagian ini ianya mampu mewujudkan sistem kerja yang sistematik. Kenyataan ini juga dinyatakan oleh informan 2 iaitu:

“Kite ada unit kite sendiri dibawah sektor konservasi. Pihak mereka akan lakukan pemeriksaan, pemeliharaan sendiri tanpa libatkan orang luar”

(I1, Penolong Pengarah Muzium)

Penyataan ini turut dipersetujui oleh informan 2 menyatakan bahawa:

“Sektor konservasi ni dia ada dua bahagian iaitu bahagian koleksi dan monumen dan untuk pembersihan berkala kite lantik syarikat luar untuk lakukan pembersihan pada tapak serta untuk pembangunan kite akan panggil kontraktor dari segi pembangunan”.

(I2, Penolong Kurator)

Menerusi informan 1 dan 2 tersebut menyatakan bahawa Muzium Negeri Terengganu mempunyai beberapa unit yang mana bagi peengurusan tapak warisan Bukit Puteri terdapat tiga unit yang bertanggungjawab iaitu unit konservasi, pembangunan dan sejarah. Setiap unit mempunyai fungsi yang berbeza-beza yang mana mengikut kemahiran dan kecekapan khusus. Hal ini akan menyebabkan, lahirkan nilai tanggungjawab dalam diri mereka untuk menjaga dan mengurus tapak

Bukit Puteri serta mencari jalan penyelesaian sekiranya berlakunya permasalahan.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah penutup kepada kajian pengkaji yang memfokuskan terhadap keseluruhan kajian yang mana pengkaji akan mengetengahkan rumusan bagi ketiga-tiga objektif kajian. Seterusnya, pengkaji juga akan menghuraikan implikasi dan cadangan dalam kajian sekali gus dapat menjadi bahan kepada pengkaji atau penyelidik akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Rumusan Kajian

5.2.2 Aspek pemeliharaan oleh pihak berkuasa terhadap tapak Bukit

Puteri

5.2.2.a Tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan dilakukan ke atas tapak Bukit Puteri.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji mendapati pemeliharaan khazanah adalah merupakan salah satu tujuan untuk memastikan tapak warisan Bukit Puteri ini terus dijaga dan sekali gus ianya mampu meningkatkan sektor ekonomi setempat dari segi pelancongan. Jika dilihat dengan lebih mendalam bahawa tapak warisan Bukit Puteri ini mempunyai sejarah yang tersendiri yang mana menyimpan sejarah politik Negeri Terengganu justeru itu, wajarlah tapak ini dijaga daripada terus sirna ditelan zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana, bermacam-macam inisiatif telah diambil untuk memastikan tapak ini terus dikenali oleh masyarakat. Namun disebabkan terdapatnya beberapa cabaran dalam pembukaan semula tapak ini menyebabkan ianya terjejas terutamanya dari segi pelancongan.

5.2.2.b Cabaran yang dihadapi dalam memulihara dan memelihara tapak Bukit Puteri.

Antara cabaran yang pertama yang dihadapi oleh pihak muzium dalam memelihara Bukit Puteri adalah dari segi pembangunan infrastruktur. Hal ini dikatakan demikian kerana, untuk menarik lebih ramai pelancong atau orang awam mengenali tapak Bukit Puteri, Kerajaan Negeri telah membangunkan sebuah bazar atau dikenali sebagai Bazar Warisan dan pada masa yang sama menjadikan bazar ini laluan utama pelancong untuk naik ke Bukit Puteri. Namun disebabkan ianya kurang mendapat sambutan oleh orang ramai menyebabkan, bazar dan laluan ini terbengkalai dan timbulnya permasalahan teknikal pada tangga yang telah dibangunkan yang mana merupakan laluan utama untuk naik ke Bukit Puteri setelah laluan asal telah dihapuskan.

Seterusnya, cabaran kedua adalah disebabkan oleh kekurangan dana. Hal ini dikatakan demikian kerana, kos sangat lah penting untuk menjalankan apa-apa aktiviti termasuklah aktiviti pemeliharaan. Bagi memelihara dan pembangunan semula tangga pihak muzium memerlukan kos yang besar justeru itu, permohonan dana ini diterima pada tahun 2018 sebanyak RM250,0000 namun, dana yang diterima ini ianya hanya mencukupi untuk melakukan pembangunan semula terhadap tangga, kaunter tiket dan tandas sahaja yang mana ianya tidak mampu menampung untuk semua. Walau bagaimanapun, pihak

muzium mendapat dana buat kali -2 daripada pihak MOTAC sebanyak RM200,000 untuk menaiktaraf pasaranan yang belum dapat diselesaikan sebelum ini. Kes ini bukanlah memberikan masalah besar untuk melakukan pembukaan semula tapak ini kepada orang awam setelah laluan utama untuk naik ke atas Bukit Puteri telah siap dibina. Hal ini dikatakan demikian kerana, setelah laluan ini telah siap dibina, pihak muzium menjangkakan pembukaan semula tapak ini pada 1 Januari 2023 namun, disebabkan beberapa faktor lain menyebabkan ianya terpaksa ditangguhkan untuk menjaga kelestarian dan keselamatan pengunjung.

Pengkaji mendapati beberapa cabaran yang telah dihadapi oleh pihak bertanggungjawab untuk membuka semula tapak ini kepada pelancong secara terbuka. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekiranya masyarakat ingin melihat atau naik ke puncak Bukit Puteri mereka perlu mempunyai alasan yang kukuh. Hal ini dikatakan demikian kerana, untuk menjaga kelestarian dan keselamatan pengunjung yang datang pihak bertanggungjawab mengetatkan kemasukan orang awam disebabkan terdapatnya pembangunan yang terbengkalai di lereng bukit yang mana dibangunkan oleh PBT Hal ini menyebabkan pemandangan Bukit Puteri terjejas dan ianya menyumbang kepada pembiakan nyamuk juateru itu, untuk menjaga pemandangan dan keselamatan pengunjung, pihak muzium terpaksa meneruskan penutupan. Untuk masalah ini,

pihak muzium berusaha bekerjasama dengan pihak PBT untuk bersama-sama menyelesaikan masalah pembangunan di lereng Bukit tapi disebabkan bajet yang besar menyebabkan terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu dan ianya akan dijalankan setelah mendapat kelulusan dari pihak atasan.

5.2.2.c Prosedur dalam pengurusan pemuliharaan tapak Bukit Puteri

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan mendapati pihak muzium melakukan pemeriksaan awal terhadap koleksi ataupun tapak untuk mendapatkan maklumat awal dengan melakukan kajian dilapidasi. Kajian ini dilakukan untuk memudahkan mencari jalan penyelesaian yang esuai mengikut kerosakan. Dalam laporan dilapidasi ini, sesi fotografi juga dilakukan sebelum dan selepas pemuliharaan dan pemeliharaan dilakukan untuk melihat perbezaan kedua-dua sesi. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekiranya timbulnya permasalahan. Gambar ini akan dijadikan rujukan bagi pihak mereka. Di samping itu, setelah laporan dilapidasi dilakukan, ianya akan dihantarkan kepada unit konservasi untuk mendapatkan pengesahan atas kerosakan yang berlaku. Seterusnya, untuk mendapatkan dana, permohonan atau perbelanjaan untuk pemeliharaan perlu dilakukan dengan melakukan pemeriksaan awal terlebih dahulu sebelum bajet diletakkan. Namun setelah bajet telah ditetapkan

ianya perlu dipamerkan kepada pengarah muzium terlebih dahulu untuk mendapatkan kelulusan.

5.2.3 Tahap pengetahuan masyarakat dan kepentingan tapak Bukit Puteri.

Pemahaman masyarakat berkaitan dengan sejarah rata-rata memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan responden menunjukkan pengetahuan yang baik terhadap sejarah Bukit Puteri walaupun ianya mengambil masa yang lama untuk melakukan pembukaan semula setelah berlakunya penutupan pada tahun 2018. Hal ini dikatakan demikian kerana, bagi soalan berkaitan dengan sejarah rata-rata semua soalan iaitu daripada soalan 1 sehingga 5 mendapat bilangan tertinggi daripada 160 orang responden pada skala 3 iaitu menunjukkan mereka mengetahui dan hanya segelintir sahaja menunjukkan maklum balas yang tidak memuaskan.

Seterusnya, bagi soalan pada bahagian dua pula iaitu berkaitan dengan sejauh mana masyarakat bersetuju pemeliharaan ini memberi kepentingan kepada masyarakat dan negara. Bagi penilaian pengkaji sepanjang kajian ini dilakukan. Soalan 1 mendapat maklum balas yang tinggi yang mana menunjukkan masyarakat bersetuju pemeliharaan tapak warisan ini membantu anak muda lebih mencintai tanah air mereka yang mana seramai 118 orang responden bersetuju pada soalan ini dan merupakan soalan yang mendapat persetujuan paling ramai. Menurut pengkaji ianya agak benar. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekiranya nilai sejarah dan keunikan sesuatu tapak itu dijaga dengan baik, ianya

membantu untuk memberi pengetahuan asal usul dan perjuangan nenek moyang terdahulu yang bermati-matian mempertahankan hak mereka untuk kesenangan anak cucu mereka buat masa akan datang justeru itu, dengan pemeliharaan ini ianya mampu melahirkan anak muda mencintai tanah air mereka daripada dijajah atau diperlekehkan oleh orang luar manakala persetujuan yang paling rendah adalah pada soalan 2 iaitu hanya mendapat 107 persetujuan daripada pihak responden

5.2.4 Mengenalpasti strategi dan cadangan yang sesuai untuk digunakan terhadap tapak warisan budaya supaya maklumat sentiasa diketahui walaupun sedang diselenggara.

Bagi cadangan yang telah dipersetujui dan mendapat bilangan yang paling tinggi adalah pada soalan 8 iaitu seramai 121 orang responden yang mana ianya berkaitan dengan media sosial. Media sosial adalah salah satu pemberi maklumat yang paling pantas dan tiada halangan justeru itu, rata-rata masyarakat bersetuju bahawa strategi yang bagus dan berkesan untuk menyebarkan maklumat berkaitan dengan tapak warisan ini adalah dengan menggunakan media sosial seperti Instagram, Tiktok, *Facebook* dan pelbagai lagi aplikasi yang berguna dan boleh digunapakai untuk memastikan maklumat dapat disebarkan kepada masyarakat manakala bilangan persetujuan yang paling rendah adalah pada soalan 9 iaitu seramai 78 orang responden sahaja yang bersetuju iaitu penggunaan template berkesan untuk digunakan menyebarkan maklumat. Dengan demikian, jika dilihat dengan lebih

jasas penyebaran maklumat melalui *template* mengambil masa untuk melakukan penyebaran kepada individu-individu yang lain.

5.2.5 Penggunaan Teori Birokrasi Max Weber

Bagi memastikan sesuatu organisasi untuk dapat dijalankan dengan baik dan lancar, setiap unit perlu melakukan sesuatu tugas dengan prosedur yang betul supaya tidak menimbulkan permasalahan dalam sesuatu konteks yang dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam konteks pengurusan setiap pekerja perlu memahami dan setiap langkah yang dipertanggungjawab kepada mereka. Dengan hal yang demikian, Teori Birokrasi Max Weber (1864-1920) bukan sahaja menekankan elemen yang perlu ada dalam setiap organisasi namun ianya juga menekankan tanggungjawab yang perlu pada setiap pekerja. Hal ini diketengahkan dalam kajian oleh pengkaji iaitu adanya pembahagian kerja yang mana setiap unit dalam organisasi mempunyai tanggungjawab yang telah diserahkan kepada mereka dan perlu dilaksanakan yang mana ianya saling berkait diantara dengan kecekapan khusus bagi para pekerja. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap pembahagian kerja perlu dilaksanakan oleh mereka yang mahir dalam bidang yang diberikan supaya tidak timbulnya permasalahan ketika melakukan tugas. Oleh itu, penggunaan Teori Birokrasi Max Weber (1864-1920) menjadi salah satu inisiatif yang penting dan perlu dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab supaya setiap organisasi dapat berjalan dengan lancar.

5.3 Implikasi Kajian

Pandangan masyarakat terhadap penutupan tapak Bukit Puteri memberi impak kepada sektor pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapatnya segelintir individu yang tidak mengetahui kewujudan tapak Bukit Puteri ini walaupun sebelum ini ianya adalah salah satu tapak warisan yang menjadi tarikan pelancong di Terengganu. Sekiranya penutupan ini semakin dilanjutkan, ianya memberi impak yang besar kepada generasi akan datang dan pada masa yang sama ianya menjadi tanda tanya terhadap punca penutupan sementara tapak Bukit Puteri ini. Oleh itu, melalui kajian ini, isi-isu berkaitan dengan penutupan ini mampu dirungkaikan walaupun dalam gelombang yang kecil sahaja. Hal ini demikian, cabaran yang dihadapi memberi permasalahan dan sedikit sebanyak memberi kesan kepada sektor ekonomi dan pelancongan serta tapak warisan itu sendiri.

Kajian ini juga mengetengahkan pemahaman dan pengetahuan masyarakat berkaitan sejarah tapak warisan. Jika melihat dengan lebih jelas, pemahaman masyarakat terhadap sejarah atau tapak warisan agak memberangsangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, menerusi kajian ini masih terdapat segelintir masyarakat yang masih kurang mengetahui sejarah dan mengambil cakna berkaitan dengan tapak warisan terutamanya anak muda pada masa kini yang kurang mengambil perhatian berkaitan dengan sejarah dan ianya akan menimbulkan kesan negatif yang mana jika tidak diwarisi kepada generasi akan datang kemungkinan nilai dan keunikan warisan itu hilang ditelan zaman.

5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini pengkaji cenderung untuk menyetengahkan dua cadangan yang difikirkan agak relevan untuk diaplikasikan.

5.4.1 Program yang Berfungsi untuk Memartabatkan Tapak Warisan .

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa tapak warisan Bukit Puteri kurang mendapat perhatian daripada masyarakat termasuk masyarakat setempat akibat daripada kurangnya promosi berkaitan dengannya dan disebabkan kerana berlakunya penutupan yang lama kepada sektor pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebabkan beberapa aspek justeru itu pihak bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif lain untuk memastikan tapak ini terus dikenali oleh masyarakat dengan adakan program yang mana dapat mempromosikan tapak ini. Sebagai contoh adakan program sekolah ke sekolah yang mana melalui program ini, Bukit Puteri terus dikenali oleh generasi muda dan meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan tapak warisan. Hal ini menyebabkan, kemungkinan dengan adanya program sebegini, ianya meningkatkan sifat ingin tahu dalam diri pelajar. Di samping itu, anjurkan program berdekatan dengan tapak warisan. Dengan adanya program ini, ianya sekali gus dapat menampakkan Bukit Puteri kepada para pengunjung yang mana sebelum ini, adanya masyarakat yang tidak tahu kewujudan tapak warisan ini. Oleh itu, dengan adanya program sebegini, ianya membawa kepada peningkatan pengetahuan kepada masyarakat berkaitan dengan Bukit Puteri.

5.4.2 Mengaplikasikan Tapak Warisan Kepada Virtual Reality (VR)

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa daripada penutupan tapak Bukit Puteri ini menyebabkan ianya kurang mendapat perhatian daripada masyarakat yang mana adanya segelintir masyarakat yang tidak mengetahui kewujudan tapak ini di Terengganu. Hal ini membimbangkan yang mana akan mempengaruhi generasi akan datang dan juga sektor pelancongan sekiranya penutupan ini tidak diselesaikan dengan lebih cepat. Jika dilihat dengan lebih jelas, penutupan ini telah memberi impak terutamanya kepada sektor pelancongan justeru itu, untuk memastikan sektor pelancongan dapat dipertingkatkan walaupun tapak ini masih diselenggara, pihak berkuasa perlu mencari inisiatif lain sebagai contoh menggunakan *Virtual Reality* bagi memberi bayangan kepada para pelancong untuk mendapatkan pengalaman menaiki tapak Bukit Puteri. Oleh itu, dengan penggunaan *Virtual Reality* ini pengunjung dapat melihat permandangan serta koleksi-koleksi yang terdapat pada tapak walaupun ianya sekadar bayangan sedikit sebanyak dapat memberi maklumat dan menarik minat pengunjung untuk melawat sendiri tapak tersebut setelah dibuka sepenuhnya kepada para pelancong.

5.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, pemeliharaan tapak warisan mempunyai cabarannya yang tersendiri untuk sentiasa memastikan ianya dikenali oleh masyarakat serta sejarahnya tidak sirna ditelan zaman. Tapak warisan merupakan harta yang bernilai untuk dipelihara dan diuruskan dengan baik kerana ianya bukan sahaja menjadi lambang kemegahan namun, ianya juga menjadi lambang kepada perkembangan sesuatu tamadun dan peradaban. Aspek pemuliharaan dan pemeliharaan tapak haruslah menggunakan prosedur yang betul untuk memastikan nilai sentimental yang ditinggalkan masih utuh supaya nilai keasliannya masih terjaga. Oleh itu, semua pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak warisan haruslah sentiasa berganding bahu dan mencari inisiatif yang terbaik untuk memastikan nilai sejarah yang terdapat pada tapak itu sendiri tidak sirna ditelan zaman dan pada masa yang sama dapat dimanfaatkan sebagai ikon pelancongan. Pengkaji juga berharap agar kajian ini mampu memberikan manfaat kepada pelajar, masyarakat dan penyelidik akan datang khususnya agar lebih banyak lagi kajian mengenai pengurusan pemeliharaan tapak warisan pada masa akan datang dan merungkai asbab-asbab tapak warisan tidak mendapat perhatian orang ramai.

RUJUKAN

- A Ghafar Ahmad (2003). Pemuliharaan Warisan Seni Bina Melayu dan Islam Pulau Pinang. Seminar Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia 17-18 September 2003.
- A.Rahman A.N (2009). Teori Birokrasi Max Weber; Pengenalan, struktur, objektif, kekuatan dan kelemahan. Nikalila.
<https://nikalila.wordpress.com/2012/03/24/teori-birokrasi-max-weber-pengenalan-struktur-objektif-kekuatan-dan-kelemahan-3/>.
- Abdul Rahman Embong (2012). *Terengganu Merentasi Tiga Abad Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*. Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan Kuala Terengganu.
- Abdullah Zakaria Ghazali (1996). *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Muzium Malaysia.
- Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] (2006). Pesuruhjaya penyemak undang-undang Malaysia di bawah kuasa akta penyemak undang-undang 1968 dengan usahasama Percetak Nasional Malaysia Bhd,
- Baharom Bakar (4 Feb 2023). Kerajaan lulus peruntukan Rm240,000 baik pulih kerosakan Bukit Puteri. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/02/1060006/kerajaan-lulus-peruntukan-rm240000-baik-pulih-kerosakan-bukit-puteri>.
- Bernama (22 Jul 2023). Dua produk baharu rancakkan pelancongan Terengganu. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-produk-baharu-rancakkan-pelancongan-terengganu-429207?>.
- Bianchi, R. V., & Boniface, P. (2002). Editorial: Tourism and the heritage of atrocity: Managing the heritage of South African apartheid for entertainment. *International Journal of Tourism Research*, 4(6), 431- 434.
- Brumann, C. (2015). Cultural Heritage. In J. D. Wright (Ed.), *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences* (2), 414–419. Amsterdam: Elsevier.
- Daeng Haliza Deang Jamal, Zuliskandar Ramli & Mantor Surat ((2017). Istana Kenangan: Meneroka Integrasi Warisan Budaya Melayu Dan Konservasi Menerusi Pendekatan Suaiguna Semula, *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(2), 1-10.
- Ekowati, U., Nggonggoek, W., & Utomo, S. S. (2019). Persepsi dan partisipasi masyarakat terhadap peninggalan situs cagar budaya Gua Jepang dan upaya pelestariannya. *HISTORIA: Jurnal Program Studi Pendidikan Sejarah*, 7(1), 131-138.

- Fai (2022 Desember 04). Metode Penelitian Kualitatif Adalah. UMSU.
<https://umsu.ac.id/metode-penelitian-kualitatif-adalah/>.
- Farahi Kamaruddin (30 Jan 2019). Bukit Puteri: Antara kubu dan bunian. The Patriots.
<https://thepatriots.asia/bukit-puteri-antara-kubu-dan-bunian/>
- Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan & Zuliskandar Ramli (2016). Arkeopelancongan di Lembah Bujang: Isu, dilema dan cabaran. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 29(2), 15-22.
- Fatmiaini (17 Jun 2010). Sejarah Asal Daerah Kuala Terengganu. Pelancongan Terengganu. <https://pelancongan-terengganu.blogspot.com/2010/06/sejarah-asal-daerah-kuala-terengganu.html#>
- Garrod, B., & Fyall, A. (2000). Managing heritage tourism. *Annals of tourism research*, 27(3), 682-708.
- Hafiz Ithin (27 Jan 2021). Teroka gunung, gua dalam negara. Harian Metro online.
<https://www.hmetro.com.my/santai/2021/01/668782/teroka-gunung-gua-dalam-negara>.
- Hafiz Ithnin (11 Apr 2019). Warisan Kampung Cina. Harian Metro online.
<https://www.hmetro.com.my/santai/2019/04/443904/warisan-kampung-cina>.
- Helmi (22 Nov 2004). Pengurusan. Portal PTS. <https://pts.com.my/berita/pengurusan>.
- Iwan Hermawan (2019). Bab II Penelitian Kuantitatif. In Cici Sri Rahayu (Eds), *Metodologi penelitian pendidikan (Kualitatif, kuantitatif dan mixed metode)*. 16-98. Hidayatul Quran Kuningan.
- Laman Web Rasmi Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (13 Ogos 2017). Kuala Terengganu: Bandaraya warisan pesisir air. Tourism Terengganu.
<https://tourism.terengganu.gov.my/index.php/2013-03-25-09-25-49/bandaraya-warisan-pesisir-air>.
- Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara (1 Feb 2023). Bukit Puteri dibuka semula sebagai aset pelancongan. Majlis Keselamatan Negara.
<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/02/01/bukit-puteri-dibuka-semula-sebagai-aset-pelancongan/>.
- Maisarah Mohd Rabu, Norngainy Mohd Tawil, Shamshubaridah Ramlee & Habibah Ahmad (2016). Meneroka Rumah Melayu Melalui Pelancongan Program Pengakaman Homestay. *Journal of Design + Built*, 9, 29-32.
- Mastura Jamal Din (20 Jan 2023). Bukit Puteri dibuka kembali akhir Januari ini. TRDI News.
<https://www.trdi.my/bukit-puteri-bakal-dibuka-kembali-untuk-pengunjung-akhir-januari-ini>.

- Mohd Izham Mohd A Wahid (24 Feb 2022). Pulau Bidong: Integrasi antara pelancongan, warisan dan penerokaan ilmu. Universiti Malaysia Terengganu. <https://www.umt.edu.my/highlight-2022/pulau-bidong-integrasi-antara-pelancongan-warisan-dan-penerokaan-ilmu/?lang=ms>.
- Mohd Nur Shafiq Harun & Mohd Samsudin (2019). Sejarah Bukit Puteri sebagai tapak warisan kebudayaan semulajadi di Negeri Terengganu. *Jurnal Peradapan*. 12(1), 103-118.
- Mohd Samsudin & Sulong Mohamad. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 1(1), 99-109.
- Muhammad Ainuddin bin Mustafa (2015). Penerimaan masyarakat terhadap institusi muzium: Kajian kes di muzium negeri Kelantan [Disertasi Sarjana muda seni gunaan dengan kepujian] Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Faiz bin Fadzilah (2022). *Konservasi Bangunan: Pendokumentasian struktur bangunan warisan Istana Batu di Jalan Tengku Puteri, Kota Bharu, Kelantan*. [Disertasi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian] Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Souhiey Zeckry (25 Ogos 2020). 10 Cara Mudah Menulis Penyataan Masalah. Wacana Zeckry. <https://zeckry.net/2020/08/25/10-cara-mudah-menulis-penyataan-masalah/>.
- Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli (2020). Keberkesanan media massa dan media sosial kepada masyarakat dalam menyelesaikan isu penjagaan warisan negara. *Asian Journal of Enviroment, History and Heritage*, 4(1), 1-4.
- Nor Azian Nashurriddin (2012). Mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai tapak warisan prasejarah [Disertasi Sarjana muda seni gunaan dengan kepujian]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Norsimah Lakassa (2007). *Kajian pengurusan koleksi zoologi di Muzium Sarawak* [Disertasi Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Nurhisyam Shafiq Mat Lopa (2014). *Pengurusan pameran khazanah Kampung Cina iaitu Kebaya Cina oleh Muzium Terengganu*. [Disertasi Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Nuryanti, W. (1996). Heritage, tourism and local community: A perspective from Indonesia. In M. Robinson, N. Evans, & P. Callaghan (Eds.), *Tourism and culture: Towards the 21st century* (pp. 99-109). Business Education Publishers.

- Pedersen, A. (2002). *Managing tourism at world heritage sites: A practical manual for world heritage site managers*. Paris: Terbitan UNESCO World Heritage Centre.
- Pirasanah Sasidharan & Rahimah Wahid (2021) Mengukur pembangunan pelancongan warisan berdasarkan petunjuk pelancongan lestari di Melaka Tengah. *Journal of Science (EJOSS)* 7(2), 66-81.
- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia (n.d.). Bukit Puteri. Arkib Negara. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/bukit-puteri>.
- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. (n.d.). Istana Maziah. Arkib Negara. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/istana-maziah>.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. (n.d.). Geografi Negeri Terengganu. <https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/kerajaan/mengenai-terengganu/geografi-negeri-terengganu>.
- Portal Rasmi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (n.d.). Info Kuala Terengganu. Terengganu. <https://mbkt.terengganu.gov.my/ms/pelawat/info-kuala.terengganu>
- Renawati Deris (2013). Pemuliharaan dan pemeliharaan seni bina Istana Tengku Long oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu. [Disertasi Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian] Universiti Malaysia Sarawak.
- Rogayah Abdul Hamid dan Mariyam Salim (2006). *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosniza Aznie Che Rose & Nur Athirah Khalid (2017). Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris 2017, 5(5), 1-7.
- Sidek Jamil (1999). Majlis Pengkisahan sejarah 10, Pasar kedai payang sejarah dan pembangunan. Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. https://trglib.gov.my/ktg/MPS_10_Sejarah_Pasar_Kedai_Payang.pdf.
- Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah & Mohammad Ashraf Abdul Rahman (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Persidangan kebangsaan sains sosial. UNIMAS 2011: Pembangunan ke arah masa depan yang mapan. 20-21 Apr 2011.
- Siti Norlizaiha Harun (2019). Pembangunan Pelancongan Warisan Melalui Pemuliharaan & Persembahan Interpretasi. Program Bicara@ Muzium, Muzium Kota Kuala Kedah. Universiti Teknologi Mara (UITM). 29 Julai 2019.
- Siti Norlizaiha Harun, Azizul Azli Ahmad & Siti Norsazlina Haron (2005). *Pengurusan Tapak Warisan Dan Pelancongan*. Seminar Kontemporari. Universiti Teknologi MARA Kampus Sri Iskandar, Perak. 23 Februari 2005.

- Siti Norlizaiha Harun, Azizul Azli Ahmad & Siti Norsazlina Haron (2005). Pengurusan tapak warisan dan pelancongan. Seminar Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Kampus Seri Iskandar, Perak. 23 Feb 2005.
- Siti Nurain Marzuki, Agnes Amoi Sudin, Dorathy Sebi Nelson Atang. Aini Atiqah Nor Arsat, Nurul Liyana Zainal Abidin, Nurul Fadilah Mohd. Nawawi & Er Ah Choy (2021). Tarikan pelancongan berasaskan warisan di Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 243-261.
- Siti Radhiah Hamsar & AB. Samad Kechot (2017). Birokrasi dalam organisasi seni: Kajian kes terhadap unit muzik dewan bandaraya Kuala Lumpur. *Jurnal Melayu*, 16(2), 149-162.
- Sullivan, A. M. (2016). Cultural Heritage & New Media: A Future For The Past, 15(3), 604.
- Syais (17 Jun 2010). Kenali Istana Maziah. <https://indahnyatrg.blogspot.com/2010/06/kenali-istana-maziah.html>.
- Syazwan Safwan (16 Mei 2010). Bukit Puteri: saksi sejarah Negeri Terengganu. Alami Terengganu. <https://alamiterengganu.blogspot.com/2010/05/bukit-puteri-saksi-sejarah-negeri.html>.
- Team CutiMY (20 Okt 2023). 11+ Tempat Bersejarah di Terengganu Wajib Lawat. CutiMy Online. <https://cutimy.com/tempat-bersejarah-di-terengganu/>.
- Tengku Atikah Engku Fauzi & Norizan Abdul Ghani (2021). *Impak Pemuliharaan Produk Pelancongan Warisan Ke Atas Perubahan Sosio Ekonomi Dan Budaya Masyarakat Setempat Di Terengganu. E-proceeding International Webinar Community Development in Southeast Asia 2021 (IWCD2021)*. June 2021. Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Wan Kumairi @ Wan Zamri Bin Wan Ali. (1996). *Sejarah perkembangan industri perlancongan dan kesannya ke atas Terengganu 1970an hingga 1990*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yazid Saleh (2010). *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot (2013). Perlindungan harta warisan: keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 64-77.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab. Samad Kechot & Mohamed Anwar Omar Din (2010). Pembangunan warisan di Malaysia: tinjauan umum tentang dasar. *Jurnal Melayu*, (5), 277- 283.

Zainuddin Baco. (2018). Cabaran pengurusan warisan binda bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012). *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*. 2(1), 115-134.

Zulhilmi Paidi, Rohani Ab Ghani, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Suhanim Abdullah & Mohamad Khadafi Rofie (2014). *Indeks konservasi bangunan bersejarah dan tapak kebudayaan: Pendokumentasian dan pengkategorian untuk industri pelancongan warisan (Heritage tourism) di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sejarahwan. TH Hotel and Conservation centre, Alor Setar, Kedah. 23-27 Ogos 2014.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN



Foto Pengkaji bersama informan 1:
Tuan Azuan bin Harun
(Penolong Pengarah Muzium)



Pengkaji bersama informan 2:
Puan Munirah binti Embong
(Ketua Kurator)



Pengkaji bersama informan 3:
Puan Azyha Adyla binti Sidek
(Ketua Konservasi-Monumen dan tapak bersejarah)